

**Jilid I  
Bil. 87**



**Hari Jumaat  
11hb November, 1983**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 12297]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1 hingga B. 15 [Ruangan 12332]**

**Maksud B. 16 hingga B. 18 [Ruangan 12353]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1984**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 7 hingga P. 9 [Ruangan 12332]**

**Maksud P. 16 hingga P. 18 [Ruangan 12353]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Palimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN  
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH  
AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala  
Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGGU DATO'  
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P.,  
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu  
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam)
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pau).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TIMBALAN MENTERI KERJARAYA, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS, (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED, (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.N.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR, (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD, (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,  
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, (Bagan  
Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan  
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,  
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG  
BIN JABAR, P.J.K. (Dungun)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, (Sri Gading)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH  
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID, (Silam)
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA, (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.  
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH, (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.  
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN, (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS,  
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N.  
(Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG, (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON, (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG, (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM, (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT, (Sungai Besi).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang)
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN, (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA, (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING, (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN, (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG, (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut)
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam)
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN, (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT, (Ulu Rajang).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH, (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN, (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON, (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE, (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD, (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

- „ TUAN LIM KIT SIANG, (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING, (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, (Hilir Perak).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI, (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB, (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL, (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI, (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH, (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN, (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI, (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM, (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG, (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara)
- „ TUAN TAN KOK HOUI, (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW, (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN, (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW, (Bintulu)
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD, (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH, (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG, (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 11hb November, 1983
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang.*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

TANAH PESAKA TERBIAR—  
LANGKAH MENGATASI

1. **Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah bagi memajukan tanah-tanah pesaka yang terbiar terutama tanah-tanah pesaka orang-orang Islam yang dipunyai oleh ramai waris-waris yang berlapis-lapis mengikut faraidz.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya melalui FELCRA telah mengambil langkah permulaan dengan mengenalpasti tanah-tanah terbiar yang terdapat di kampung tradisional. Tanah-tanah terbiar yang dikenalpasti ini termasuk juga tanah-tanah pesaka mungkin dimiliki oleh waris-waris.

Berdasarkan kepada data-data senarai kampung-kampung mundur di Semenanjung Malaysia terdapat lebih kurang 569,223 hektar tanah terbiar dalam 2,274 buah kampung mundur.

Data ini di perolehi dalam tahun 1978 dan dikenalpasti secara lebih terperinci mulai tahun 1982 dan 1983. Sebagai langkah-langkah berikutnya FELCRA menyasat kawasan tanah terbiar yang dikenalpasti sama ada dari segi kesesuaian tanah, memegang hakmilik dan lain-lain data yang boleh dijadikan sebagai asas perancangan pelaksanaan pemulihan tanah ini. Walau bagaimanapun, dari segi kaedah pelaksanaan pemulihan ini konsep dan jenis perancangan yang dilaksanakan boleh diklasifikasikan sebagai:

- (1) Pemulihan tanah secara pertanian koperatif peladangan bersama; dan
- (2) Pemulihan lot demi lot bagi kawasan yang berselerak.

Caranya adalah seperti yang saya telah jelaskan dalam jawapan soalan yang ke 2 pada 10-11-83.

Tuan Yang Dipertua, dalam pengenalan FELCRA kes tanah-tanah pesaka ini telah ditemui sebanyak tidak kurang daripada 100 kes. Cara-cara yang telah FELCRA atasi ialah dengan mengesan dan membuat hubungan dengan semua mereka yang mempunyai kepentingan di atas tanah itu bagi mendapat persetujuan mereka dengan menggunakan borang persetujuan yang disediakan. Berdasarkan persetujuan ini dan dengan kerjasama Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan rekod yang asal dipastikan oleh Pemungut Hasil Tanah di mana satu perbincangan pesaka kecil dibuat bagi menentukan pemilik yang sah. Dari perbincangan itu maka

kepastian pemilik yang sebenarnya dapat diketahui dan dengan itu persetujuan mereka yang diperolehi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi menerangkan sebanyak lebih daripada 569,000 hektar tanah terbiar telah dapat dikenalpasti. Jadi, saya ingin tahu, apakah yang menyebabkan sebegitu banyak sekali keadaan tanah itu terbiar, itu pun kajian itu dibuat dalam tahun 1978 dan sekarang saya fikir lebih banyak lagi?

Yang kedua, apakah tindakan yang benar-benar strategik oleh Kementerian ini bagi memastikan sehingga jangka beberapa tahunkah tanah-tanah terbiar ini betul-betul dapat dipulihkan bagi faedah pemilik-pemilik?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, sebab-sebab yang menjadi tanah terbiar ialah kerana tuan tanah tidak mengusahakannya dan oleh sebab perkara ini terjadi maka tertubuhlah agensi ini bagi menolong tuan-tuan tanah yang telah mendapat hakmilik untuk memulihkan tanah-tanah mereka. Data yang telah diberikan sebanyak 569,223 hektar tanah yang telah dapat dikesan dalam tahun 1978 adalah diyakini bahawa bilangan ini bertambah kurang oleh sebab FELCRA telah pun menjalankan Rancangan Pembangunan Pemulihan Tanah ini. Rancangan Pembangunan Pemulihan Tanah ini bukanlah sahaja dibuat oleh agensi FELCRA di bawah Kementerian saya tetapi juga telah dibuat oleh Kementerian Pertanian Malaysia sendiri. Kita yakin dengan peruntukan yang akan diluluskan dalam Dewan ini dan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan dalam persidangan yang lepas kita berjaya memulihkan lebih kurang 40%

pada setiap tahun tetapi ini tidak bermakna bahawa kita telah memberhentikan untuk meninjau lebih banyak lagi kawasan-kawasan tanah yang telah diberi milik dan yang telah terbiar. Kita harap mendapat kerjasama daripada semua rakyat dan para pemimpin tempatan untuk mengenalpasti tanah-tanah yang tidak dapat dikesan dan diketahui oleh agensi kita.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan bahawa wujudnya tanah terbiar kerana tuan tanah tidak mengusahakan. Jadi, saya ingin tahu mengapa tuan-tuan tanah tidak mahu mengusahakan tanah-tanah mereka?

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa saya berhak menjawab bagi pihak Kementerian saya, saya tidak berhak menjawab bagi tuan-tuan tanah kerana saya yakin saya tidak mengetahui sebab apa tanah-tanah ini terbiar. Tetapi sebagai pengalaman kita dapat mengetahui salah satu daripada sebab-sebabnya ialah kemungkinan telah diberi hakmilik kepada tanah ini, tuan-tuan tanah yang pada asal tinggal di tempat itu yang sebenar telah berpindah ke tempat lain dan tidak mempunyai cukup kewangan bagi mengusahakan di atas tanah ini.

Sebab yang kedua ialah kerana terdapatnya harta pesaka yang pemilik-pemiliknya terlalu banyak dan menimbulkan masalah siapakah yang akan mengusahakan di atas tanah-tanah yang telah saya sebutkan tadi. Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, pada hari ini terdapat 134,790 hektar tanah terbiar di negeri Kedah dan 88,720 hektar di negeri Perak dan 86,462 hektar di negeri Kelantan. Ini merupakan kawasan-kawasan yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan orang-orang Melayu yang telah terlibat dengan masalah hakmilik

yang belum dibicarakan. Proses perbicaraan hakmilik berasaskan kepada pemohon-pemohon hakmilik ini sedang dijalankan dan Kementerian saya sedang mencuba untuk mengatasi perbicaraan kuasa ini dengan secepat mungkin.

**Tuan Yang Dipertua:** Soalan penghabisan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyatakan bahawa perkara-perkara pemulihan itu boleh dibuat selepas daripada perbicaraan penyelesaian harta pesaka kecil. Masalahnya sekarang ini ialah ramai waris-waris yang tidak mahu mengambil ataupun menyelesaikan soal harta pesaka ini.

Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh dibuat oleh Kementerian di dalam usaha untuk memajukan tanah-tanah yang di mana waris-warisnya tidak mahu menyelesaikan soal harta pesaka kecil ini.

**Tuan Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang Dipertua, semalam saya telah menjawab kemungkinan kita akan mengambil satu tindakan iaitu meminda Kanun Tanah Negara supaya boleh membenarkan agensi kita memulihkan tanah yang dimaksudkan daripada soalan Yang Berhormat tadi tanpa mendapat kebenaran daripada tuan-tuan tanah berkenaan.

Insy Allah, kalau ini diizinkan dan dipersetujui oleh rakyat seluruhnya, perkara ini dapat kita jalankan.

## GURU-GURU BERKALIBAR DI SARAWAK—KEKURANGAN

**2. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementeriaannya untuk mengatasi

masalah-masalah kekurangan guru-guru yang lebih berkalibar untuk mengajar di sekolah-sekolah di luar bandar di Sarawak.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan guru-guru yang berkalibar untuk mengajar di sekolah-sekolah luar bandar khususnya bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

- (1) Menambahkan jumlah guru-guru pelatih yang berasal daripada negeri Sarawak, maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti;
- (2) Menambahkan bilangan maktab-maktab perguruan seperti Maktab Perguruan Miri Sarawak yang baru dibuka pada tahun ini untuk menampung lebih banyak lagi bilangan guru-guru pelatih;
- (3) Menyediakan kemudahan asas atau tempat tinggal untuk guru-guru yang berkhidmat di luar bandar di Sarawak dan menempatkan guru-guru terlatih dari Semenanjung bagi menampung kekurangan guru-guru terlatih dari anak-anak tempatan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah guru-guru yang telah dilatih di maktab-maktab Perguruan itu dianggap sebagai kurang berkalibar di Sarawak. Jika jawapannya tidak, mungkin ada faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka itu kurang berkalibar seperti mereka dihantarkan mengajar jauh di kawasan pedalaman.

Yang keduanya, guru daripada Malaysia Barat dihantar bertugas di Sarawak.

Ketiga, mungkin wujud diskriminasi ataupun pilih kasih dari sudut pertukaran guru-guru di Sarawak itu sendiri iaitu ada guru yang mengajar setahun dua tahun di kawasan pedalaman sudah dapat tukar ke kawasan bandar. Kemudian guru-guru yang mengajar 5 atau 6 tahun di kawasan pedalaman masih belum dapat ditukarkan ke kawasan-kawasan bandar.

Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi masalah-masalah itu iaitu masalahnya dari sudut mereka ini jauh mengajar di luar bandar guru-guru dari Malaysia Barat yang dihantar ke kawasan pedalaman di Sarawak dan yang ketiganya dari sudut wujudnya pilih kasih di dalam menentukan pertukaran guru-guru di luar bandar.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan pertama tidak. Soal diskriminasi tidak timbul, Tuan Yang Dipertua, bahkan saya sendiri telah menetapkan bahawa terutama sekali guru-guru dari Semenanjung sebelum kita menetapkan mereka di kawasan-kawasan di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar maka Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak hendak menentukan supaya mereka dapat ditempatkan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan bandar, kalau tidak, sekurang-kurangnya berdekatan dengan kawasan-kawasan di mana ada orang-orang Islam terutama sekali memandangkan bahawa di sana kebanyakan daripada guru-guru dari Semenanjung adalah terdiri daripada orang-orang Islam.

Soal pertukaran daripada luar bandar ke bandar dan sebaliknya, itu dijalankan dengan cara adil.

## EVOLUSI KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**3. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah dapat tercapai evolusi kebudayaan kebangsaan yang disisipkan dengan kebudayaan-kebudayaan negara majmuk kita.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Tuan Yang Dipertua, evolusi kebudayaan di Malaysia telah berlaku semenjak ratusan tahun yang lalu iaitu semenjak negara ini menjadi tumpuan dan tempat bermastautin berbagai kaum pendatang dengan berbagai budayanya.

Evolusi ini telah berjalan dengan lancar melalui proses pengenalan, penerimaan dan penyerapan unsur-unsur positif serta nilai-nilai umum yang positif dari berbagai budaya tersebut. Proses yang sama sedang berlaku pada masa ini dan akan terus berlaku di masa-masa akan datang.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sukacita saya bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai kebudayaan kebangsaan. Apabila kita sebut kebudayaan kebangsaan adalah amat luas. Di Malaysia ada berbilang-bilang bangsa dan tiap-tiap bangsa itu ada kebudayaannya. Adakah dengan kebudayaan kebangsaan ini Kerajaan bertujuan supaya kebudayaan-kebudayaan yang merupai khurafat itu harus dilenyapkan dengan adanya kebudayaan kebangsaan itu ataupun sememang pihak Kementerian ini mahu mengadakan suatu kebudayaan asing yang kita ciptakan baru yang boleh menampakkan bahawasanya kebudayaan ini adalah kebudayaan kebangsaan yang tidak menampakkan bahawasanya kita di Malaysia ini ada bermacam-macam kebudayaan.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang Dipertua, kita tidak berhajat untuk mencipta bentuk kebudayaan yang baru. Kita hanya bertujuan untuk mengembangkan dasar dan prinsip kebudayaan yang ada tetapi sekiranya terdapat unsur-unsur ataupun element khurafat terutama yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, perkara itu sudah tentulah akan dibasmikan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang satu manifestasi kebudayaan kebangsaan, di manakah letaknya, apakah bentuk kebudayaan kebangsaan kita itu terletak pada songkok, pada telekong ataupun pada majlis dalam sesuatu perayaan rasmi itu mengadakan tos ataupun waktu mengadap mengangkat sumpah, mengangkat tangan ataupun apakah suatu bentuk yang kita boleh kenal bahawa inilah salah satu daripada bentuk kebudayaan kebangsaan kita.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang Dipertua, telah berkali-kali dijelaskan termasuk di Dewan yang mulia ini bahawa kebudayaan itu adalah pakaian batin bukan sahaja elemen yang diperlihatkan pada aspek-aspek aesthetic, kesenian dan sebagainya tetapi seluruh nilai-nilai yang baik, cara hidup masyarakat. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang disebutkan di dalam soalan Yang Berhormat itu tidaklah berbangkit kerana apa yang hendak ditonjolkan oleh Kementerian adalah nilai-nilai yang memberikan makna yang lebih mendalam kepada corak hidup masyarakat seluruhnya.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa selagi ada golongan rakyat dalam negara kita ini

yang kurang faham, tidak faham, setengah-setengahnya terkeliru dan setengah-setengahnya pula menentang kebudayaan kebangsaan maka ini akan menjadikan lebih sukar dan lebih lambatlah lagi kita mencapai evolusi kebudayaan kebangsaan. Kalau sedar tentang perkara ini, bagaimanakah dan apakah caranya kita akan dapat mengatasi masalah ini dengan berkesan?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Pihak Kementerian berusaha untuk memberi penjelasan secara yang seluas mungkin tentang dasar kebudayaan kebangsaan ini. Tetapi sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memanglah benar bahawa ada pihak-pihak terutama dari parti pembangkang yang cuba mempolitikkan isu kebudayaan ini dengan menimbulkan rasa cemas dan takut di kalangan sebilangan daripada rakyat kita. Umpamanya manakala disebut Melayu sebagai terasnya, seolah-olah kita hendak mematikan, menenggelamkan dan menghapuskan unsur-unsur kebudayaan kaum yang lain.

Begitu juga bila kita sebut tentang unsur Islam sebagai unsur yang penting seolah-olah kita bertujuan untuk menyapakan pengaruh agama-agama yang lain. Perkara ini telah berulang kali disebut bahawa tidaklah maksud kita untuk menyap atau menghapuskan bentuk budaya kaum-kaum yang lain di negara kita.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, soalan yang penghabisan (*Ketawa*). Sebagaimana Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada kita baru sekejap tadi bahawa soal penyisipan nilai-nilai kebudayaan telah pun berlaku di negara kita ini beratus-ratus tahun dahulu lagi. Kita bersetuju bahawa negara kita ini berlaku demikian dan dengan demikianlah wujudnya konsep kebudayaan yang

tersendiri yang telah pun diterima dan dipersetujui bersama. Cuma saya ingin tahu sebagaimana Yang Berhormat Menteri memaklumkan sekejap tadi bahawa dalam konsep kebudayaan kita, kita mempunyai tiga unsur yang diterima dan diiktiraf sejak lama iaitu Melayu sebagai terasnya dan unsur Islam sebagai salah satu unsur yang paling penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Cuma masalahnya sejauh mana usaha-usaha Kementerian telah melakukan ke arah penerapan teras Melayu dan unsur Islam itu dan apakah formula-formula perlaksanaannya dan yang kedua . . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Sudah jadi nombor kedua, tidak jadi penghabisan itu. Yang saya benarkan satu sahaja.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Termasuk soalan yang pertama juga, (*Ketawa*) iaitu bagaimanakah badan-badan swasta, pertubuhan-pertubuhan swasta dapat membantu Kerajaan dalam menyelesaikan masalah kebudayaan kebangsaan yang menjadi ribut di akhir-akhir ini?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang Dipertua, perkara yang paling utama yang harus dilakukan oleh Kementerian dan juga pihak-pihak swasta, badan-badan budaya dan serjana berkenaan, haruslah memberikan penjelasan yang meluas dan mendalam. Kerana sesungguhnya menetapkan dasar kebudayaan kebangsaan itu bukanlah sesuatu yang dibuat semata-mata mengikut perhitungan politik ataupun secara terburu-buru. Keputusan menetapkan dasar-dasar ini adalah setelah mengakui kenyataan sejarah dan kenyataan tentang continuity atau keseimbangan sejarah. Perkara itu kita harap tidak akan berbangkit lagi. Tetapi oleh kerana masyarakat kita adalah masyarakat yang bebas untuk menyuarakan pandangan dan

pendapat terdapat juga kalangan-kalangan yang masih mempersoalkan. Kita cuma dapat menyeru dan mengharap agar orang ramai tidak turut terbawa-bawa dengan persoalan yang tentunya akan sia-sia sahaja.

Tentang formula yang dibangkitkan itu, banyakkah yang ditetapkan selain daripada penerangan, memberikan gambaran bahawa kebudayaan itu adalah pakaian batin yang mencakupi bidang keilmuan yang saintifik dan juga kesenian yang indah dan yang estetik. Selain daripada penjelasan itu pelbagai program disusun termasuk seminar dan forum, penerbitan, kajian-kajian dan perbincangan-perbincangan, penyelidikan dan juga memperkenalkan bentuk-bentuk kesenian yang kita fikir sesuai dengan prinsip yang ditetapkan. Dalam semua perkara ini bukan sahaja Kementerian ini yang bertanggungjawab tetapi juga Kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain serta kerjasama yang kian meningkat oleh badan-badan budaya, badan-badan bahasa dan sastra serta juga pihak-pihak swasta.

## LATIHAN LEPASAN IJAZAH PERUBATAN

4. **Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kesihatan menerangkan, oleh kerana negara kita pada hari ini sedang menghadapi kekurangan kepakaran dalam bidang Perubatan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini dari saranan yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri baharu-baharu ini bagi mewujudkan satu program latihan lepasan Ijazah di bidang perubatan. Se jauh manakah langkah-langkah terdahulu dari ini telah dibuat di dalam masalah ini; dan

(b) adakah Kementerian Kesihatan telah merancang dan bersedia untuk menswastakan sebahagian dari Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan bagi membolehkan pakar-pakar perubatan persendirian berkhidmat di hospital-hospital serta menurunkan kepakaran mereka itu kepada doktor-doktor yang baharu di bidang ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San):** Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan (a), ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa tindakan awal bagi menubuhkan Program Latihan Lepas Ijazah Perubatan Tempatan telah dilakukan sejak tahun 1977. Perbincangan telah diadakan di antara Universiti-universiti tempatan yang mempunyai Fakulti Perubatan dengan Badan-badan Profesional Perubatan dan juga Kementerian Kesihatan untuk mengkaji kemungkinan serta menggubal strategi bagi melaksanakan Program Latihan Lepas Ijazah Perubatan Tempatan.

Tuan Yang Dipertua, hasil dari perbincangan kita, keputusan telah dibuat untuk menjalankan beberapa aktiviti latihan di mana Universiti Malaya diberi tanggungjawab menjalankan, dengan izin, latihan Sarjana Pathology, Sarjana Kesihatan Awam dan Sarjana Psychological Medicine dan Universiti Kebangsaan Malaysia pula dipertanggungjawabkan bagi menjalankan latihan di peringkat Sarjana dalam bidang-bidang Pembedahan, Pembedahan Orthopaedic, Pembedahan Ophthalmology, Pembedahan-pembedahan Otolaryngologi dan Radiology.

Beberapa lagi kursus-kursus di peringkat Sarjana ini sedang dirancang. Matlamat program ini

adalah supaya program latihan ijazah lanjutan perubatan mencerminkan keperluan negara dari segi mengeluarkan bilangan yang wajar dan mutu yang sesuai dengan kehendak perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Sebelum diwujudkan program latihan ijazah perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya, Kementerian Kesihatan telah menghantar pegawai-pegawai perubatan ke luar negeri untuk mendapat latihan lanjutan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai soalan (b), perkara penggunaan katil-katil di Hospital Besar Kerajaan adalah satu yang rumit kerana Hospital-hospital ini sentiasa penuh sesak.

Walau bagaimanapun, buat masa sekarang satu kajian sedang dibuat untuk mengkaji kadar penggunaan katil-katil di hospital-hospital Kerajaan untuk menentukan jika katil-katil yang terlibat boleh dikhaskan untuk kegunaan pakar-pakar doktor dari sektor swasta. Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian yang lebih menyeluruh mengenai kemungkinan penswastaaan beberapa aspek kemudahan perubatan yang sekarang ini dibekalkan oleh Kerajaan sendiri.

#### **PUSAT PESANAN TAMBANG MALAYSIA**

**5. Tuan Mohammad Idris bin Mohamad Basri** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peranan yang sebenar yang akan dimainkan oleh Pusat Pesanan Tambang Malaysia yang akan ditubuhkan oleh Majlis Perkapalan Kebangsaan Malaysia (MNSC). Adakah ianya dapat membantu syarikat-syarikat perkapalan tempatan dalam mengurangkan komisen pesanan tambang yang sekarang ini dikawal oleh dua buah pusat pesanan tambang di Singapura dan Filipina.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang Dipertua, sebuah Pusat Tempahan Kargo (Freight Booking Centre—FBC) akan ditubuhkan di Malaysia tidak berapa lama lagi oleh Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC). Pusat ini yang akan diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad adalah merupakan usaha praktikal yang dilakukan oleh MNSC bagi menjaga kepentingan pengguna-pengguna kapal negara ini.

Timbulnya usaha untuk menubuhkan pusat seumpama ini adalah atas kesedaran bahawa wujudnya beberapa masalah perkapalan seperti sukar mendapat perkhidmatan perkapalan terus dan tambang perkapalan yang mahal, sehingga membawa kesan buruk kepada usaha galakan eksport negara, harga barang-barang eksport Malaysia kurang bersaing di pasaran luar negeri dan juga kesulitan di dalam imbalan pembayaran negara.

Berdasarkan kepada fakta yang disebutkan di atas, maka pusat ini akan memainkan peranan seperti berikut:

- (1) *Membuat tempahan ruang atas kapal (Booking Shipping Space) bagi pihak pengeksport-pengeksport.* Pusat ini juga akan menolong pengeksport-pengeksport kecil memperoleh tempat atas kapal bagi arangan mereka. Tempahan ini akan dibuat kepada semua barangan ke semua arah perdagangan melalui kerjasama yang rapat dengan syarikat-syarikat perkapalan, agen perkapalan dan agen penghantaran.
- (2) *Mendapatkan kadar tambang yang paling murah kepada pengeksport.* Kargo-kargo eksport yang terkumpul melalui pusat ini akan memberi kuasa

tawar menawar (bargaining power) yang lebih terhadap perundingan kadar tambang. Kadar tambang murah akan membawa kepada persaingan barang-barang Malaysia di luar negeri dan seterusnya menggalakkan perdagangan antarabangsa.

- (3) *Menyediakan kargo yang secukupnya (inducement cargo) bagi kapal-kapal untuk berlabuh di Pelabuhan Malaysia.* Ini sudah akan menolong memajukan lagi pelabuhan negara ini.

Walau bagaimanapun, kejayaan Pusat ini adalah bergantung kepada sokongan kargo dari pengeksport-pengeksport. Tanpa sokongan mereka peranan yang disebutkan di atas tinggal impian sahaja.

Dalam pengetahuan Kementerian ini pusat-pusat tempahan kargo di Singapura dan Filipina tidak mengawal pemberian atau penerimaan komisen tambang malah ianya adalah dua badan bebas di dua buah negara yang berasingan. Pusat-pusat ini juga tidak mempunyai pengaruh ke atas FBC yang akan ditubuhkan di Malaysia nanti. FBC akan berusaha menggunakan syarikat-syarikat perkapalan Malaysia dalam pengangkutan kargo yang ditempah melalui pusat ini.

## **MOGOK/TINDAKAN PERUSAHAAN**

**6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Buruh menyatakan berapa banyak kejadian mogok/tindakan perusahaan dan berapa ramai pekerja yang terlibat dalam tiap-tiap kejadian itu bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1983 dalam sektor pertanian, pembinaan, perkhidmatan pengangkutan dan

perkilangan. Nyatakan sebab-sebab utama berlakunya pemogokan itu dan bagaimanakah jalan penyelesaian yang telah dijalankan. Beri perbandingan dengan enam bulan pertama tahun 1982.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang Dipertua, bagi 6 bulan pertama tahun 1983 sebanyak 12 pemogokan atau tindakan perusahaan telah berlaku dengan penglibatan seramai 1,196 pekerja berbanding dengan 13 pemogokan yang telah berlaku dalam 6 bulan pertama tahun 1982 dengan penglibatan seramai 1,789 pekerja.

Angka-angka pemogokan ini mengikut sektor-sektor pekerjaan seperti pertanian, pembinaan, pengangkutan dan pembuatan adalah seperti berikut:

*Enam bulan pertama tahun 1983*

Sektor	Pemogokan	Pekerja Yang Terlibat
Pertanian ..	9	773
Pembuatan ..	1	98
Pengangkutan	Tiada	Tiada
Pembinaan ..	1	25
Lain-lain ..	1	300

*Enam bulan pertama tahun 1982*

Sektor	Pemogokan	Pekerja Yang Terlibat
Pertanian ..	7	1,157
Pembuatan ..	5	565
Pengangkutan	1	67
Pembinaan ..	Tiada	Tiada
Lain-lain ..	Tiada	Tiada

Tuan Yang Dipertua, antara sebab-sebab utama berlakunya pemogokan itu ialah oleh kerana pembuangan kerja dan tuntutan-tuntutan terhadap elaun-elaun, kenaikan gaji serta lain-lain kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pemogokan itu telah dapat diselesaikan melalui rundingan bersama yang dianjurkan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Struktur gaji sentiasa menjadi punca pertikaian industri di antara majikan dan pekerja-pekerja. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan bersetuju bahawa sistem gaji pekerja-pekerja ladang sekarang ini yang diasaskan dari masa penjajahan telah menjadi begitu kompleks seperti yang dinyatakan oleh Pengerusi, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan sama ada Kerajaan akan menerima cadangannya untuk mendapatkan majikan-majikan pekerja ladang untuk membuat satu sistem insentif yang sesuai untuk memastikan keuntungan dan pengeluaran sektor ini.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, memang benar struktur gaji yang terdapat di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah lebih kompleks jika dibandingkan dengan struktur gaji setengah-setengah pekerja di lain-lain sektor pekerjaan. Tetapi walau bagaimanapun, saya juga saya memaklumkan bahawa di dalam sektor perladangan ini pekerja-pekerja diwakili oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja yang teguh yang mempunyai ahli yang terbesar di seluruh negara kita dan pada masa ini dianggap mampu melindungi kepentingan pekerja-pekerja yang menjadi ahli kepada Kesatuan ini.

Begitu juga majikan-majikan ladang diwakili oleh satu Kesatuan yang besar dan pada keseluruhannya, pada kebanyakannya segala rundingan berhubung dengan masalah gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain kemudahan dirundingkan secara

lebih cekap di antara dua badan yang mewakili kedua-dua pihak iaitu NUPW bagi pihak pekerja-pekerja dan MAPA bagi pihak majikna-majikan ladang, dan biasanya persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pihak ini dijadikan asas untuk Perjanjian Bersama yang dijadikan panduan oleh kedua-dua pihak yakni pekerja-pekerja ladang dan majikan-majikan ladang.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

*(Soalan No. 7 Y. B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir.)*

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan No. 8 Y. B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir.)*

### SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN

9. **Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Syarikat-syarikat Insuran akan diatur untuk menjadikannya sebagai Syarikat Malaysia mengikut Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, penyusunan semula cawangan syarikat-syarikat insuran asing di Malaysia adalah merupakan satu proses yang berterusan dan ianya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan hasrat apabila menjelang tahun 1990, matlamat Dasar Ekonomi Baru dari segi penyertaan ekuiti dapat dicapai dengan jayanya. Usaha penyusunan semula ini sebenarnya telah pun bermula sejak tahun 1974 lagi. Sehingga ini, sebanyak 33 cawangan syarikat-syarikat asing telah disusun semula menjadi 24 buah syarikat-syarikat tempatan. Terdapat

hanya sebanyak 17 buah cawangan asing sahaja yang belum disusun semula.

Pada mulanya syarikat insuran asing diharap menyusun semula perniagaan mereka tanpa diberi sebarang dateline. Tetapi pada tahun 1981, dateline telah dikeluarkan supaya mempercepatkan proses penyusunan semula ini demi menjamin semua syarikat-syarikat insuran mematuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990.

Dua dateline telah dikeluarkan:

- (a) dateline pertama pada penghujung bulan Oktober, 1981, dateline yang diisytiharkan pada 31hb Disember, 1981 bagi 24 cawangan syarikat asing yang masih belum mengemukakan cadangan masing-masing pada waktu itu; dan
- (b) dateline kedua pada 9hb Mac, 1982. Dateline ini adalah pada 15hb April, 1982 bagi baki sebanyak 7 buah syarikat asing yang masih tidak mengemukakan rancangan penyusunan semula mereka pada tarikh tersebut.

Dateline yang diberi adalah untuk syarikat-syarikat berkenaan mengemukakan cadangan menyusun semula cawangan masing-masing untuk dipertimbangkan dan supaya menjadi asas untuk perundingan dengan Kerajaan tetapi bukanlah satu dateline bagi melaksanakan skim penyusunan semula itu.

Pada masa ini semua cawangan-cawangan syarikat asing yang belum disusun semula itu telah pun mengemukakan cadangan awal masing-masing. Dari jumlah sebanyak 17 buah cawangan-cawangan syarikat asing yang belum disusun semula ini, 11 daripadanya telah pun di dalam proses melaksanakannya. Cadangan penyusunan semula dari empat buah

syarikat lagi masih dalam peringkat kajian oleh Kementerian dan dua cadangan dari dua buah syarikat asing telah ditolak oleh sebab ianya tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dan syarikat-syarikat ini telah diminta mengemukakan cadangan-cadangan baru.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan selepas syarikat-syarikat insuran ini disusun semula, adakah dalam arahan penyusunan semula itu ada syarat atau sekatan bagi mereka untuk melabur di negara kita. Apakah ada satu garis panduan untuk mereka di mana mereka diwajibkan melabur di dalam negara kita atau ada satu paras yang kita mesti dapati daripada mereka.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, di dalam usaha penyusunan semula ini, setidak-tidaknya sebuah syarikat asing itu mestilah mempunyai 70% ekuiti dari rakyat Malaysia yang terdiri setidak-tidaknya 30% dari ekuiti bumiputera.

Tetapi dari segi pelaburan yang dibuat dengan wang yang diterima daripada premium barangkali itu yang dimaksudkan dan saya tidak begitu faham apa yang dimaksudkannya, kalaulah itu yang dimaksudkan, guideline-guideline tertentu juga diberi kepada syarikat-syarikat yang ini telah disusun semula ertinya syarikat yang diincorporate di Malaysia.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, apakah tindakan yang akan dilakukan sekiranya syarikat-syarikat asing ini gagal untuk mengemukakan rancangan penyusunan semula itu dan sampai bilakah masanya mereka itu diberi tempoh bagi mengemukakan penyusunan semula. Dan saya juga

ingin tahu berapa banyakkah lesen-lesen insuran ini dikeluarkan dan bilangan yang diberi kepada bumiputera.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, ada tiga soalan. Saya jawab yang ketiga dahulu. Tidak ada lagi lesen syarikat insuran yang diberi pada waktu ini. Jadi apabila tidak ada, tidak dapatlah saya hendak beri berapa diberi kepada bumiputera.

Tetapi dengan adanya penyusunan semula ini bumiputera boleh menyertai di dalam bidang insuran dengan menyertai ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang sedia ada yang semula. Di situ kita harap bumiputera boleh menyertai di dalam syarikat insuran. Seperti yang saya katakan tadi paling kurang 30% adalah penyertaan bumiputera.

Berkenaan dengan soalan dua, iaitu berkaitan syarikat yang belum mengemukakan cadangan penyusunan semula. Penyusunan semula ini seharusnya dibuat selewat-lewatnya dalam tahun 1990, tetapi seperti saya katakan tadi, kita telah memberi dateline dua kali untuk menggalakan mereka itu menyusun lebih awal lagi. Kita percaya dua syarikat yang belum lagi memberi cadangan ini akan memberi dalam sedikit masa lagi. Sebenarnya mereka telah pun memberikan cadangan-cadangan tetapi cadangannya telah pun ditolak. Kita percaya mereka akan memberi cadang-cadangan yang baru.

Berkaitan soalan yang pertama, yakni apakah akan kita buat kalau sekiranya mereka ini tidak menyusun semula apabila sampai waktunya kelak, saya pun tidak erti atau tidak terfikir lagi apakah tindakan yang seharusnya kita akan ambil. Cuma kita berharap sahajalah sebagai sebuah atau dua buah syarikat yang ingin berniaga di Malaysia, barangkali dengan mendapat keuntungan yang

sewajarnya, jadi patut sangatlah syarikat ini mengikut dasar-dasar yang sedang dijalankan oleh negara kita.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 10.

*(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).*

### PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT

**11. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai dalam usaha menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Butirkan perbezaan pendapatan pemilikan harta antara kaum dalam negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1971, program penyusunan semula masyarakat telah menghasilkan beberapa perubahan penting. Kerajaan telah berjaya meningkatkan lagi pendapatan antara kaum, menambahkan bilangan pekerjaan, meningkatkan pemilikan harta dalam sektor syarikat serta membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan bumiputera.

Pada keseluruhannya tingkatan pendapatan antara kaum telah meningkat. Pendapatan purata orang-orang Melayu telah meningkat dari \$172 pada tahun 1970 kepada \$309 pada tahun 1979. Pendapatan purata kaum Cina telah meningkat dari \$394 pada tahun 1970 kepada \$659 pada tahun 1979. Tingkatan pendapatan purata bagi kaum India juga turut berubah dari \$304 pada tahun 1970 kepada \$467 pada tahun 1979.

Kesemua kumpulan kaum telah mengalami pertumbuhan gunatenaga yang pesat dalam tahun 1971 hingga 1980. Pertumbuhan telah dicapai selaras dengan matlamat penyusunan semula supaya gunatenaga dalam semua sektor dan peringkat menggambarkan susunan kaum.

Dalam sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan dan pengangkutan di mana penyertaan bumiputera adalah rendah sebahagian gunatenaga mereka telah bertambah dari 32.1% dalam tahun 1970 kepada 39.8% dalam tahun 1980. Begitu juga dalam sektor perniagaan borong dan runcit, bank, pentadbiran awam, pelajaran, kesihatan, pertahanan dan kemudahan-kemudahan awam, bahagian gunatenaga bumiputera telah bertambah dari 42.6% kepada 47%.

Dari segi pemilikan dan penguasaan sektor syarikat, Kerajaan telah berjaya meningkatkan tingkat pemilikan bumiputera dari \$279.6 juta, iaitu kira-kira 4.3% dalam tahun 1971 kepada 3,272.7%, kira-kira 12.4% dalam tahun 1980. Sungguhpun demikian, Bahagian ini adalah lebih rendah dari matlamat 16% untuk tahun 1980, seperti yang dicatat dalam rangka rancangan jangka panjang.

Pemilikan lain-lain kaum telah bertambah dari 34% dalam tahun 1971 kepada kira-kira 40% dalam tahun 1980, berbanding dengan matlamat sebanyak 40% bagi tahun 1980.

Pada keseluruhannya Kerajaan telah berjaya mengubah sedikit sebanyak ekonomi antara kaum sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971 melalui Program Penyusunan Semula Masyarakat.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa purata pendapatan bagi kaum Melayu tahun

1979 sebanyak \$309 kaum Cina \$394 tahun 1970 dan kaum India \$304 bagi tahun 1970. Jadi ertinya bagi saya purata pendapatan kaum Cina dan India pada tahun 1970, baru sama dengan kaum Melayu di tahun 1979.

Soalannya, adakah Kerajaan akan memperhebatkan lagi dengan sehebat-hebatnya program-program ekonomi bagi mencapai hasrat dan tujuan Dasar Ekonomi Baru pada masa-masa yang akan datang. Jika ya, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah bentuk-bentuk strategi bagi membantu kaum bumiputera supaya pengagihan ekonomi di dalam negara kita dapat diperseimbangkan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, strategi untuk mempesatkan pertumbuhan ekonomi itu memang sudah terdapat pada Dasar Ekonomi Baru. Usaha-usaha untuk mempesatkan pertumbuhan ekonomi juga dijalankan tetapi memandangkan bahawasanya kita menghadapi keadaan ekonomi yang sedang meleset ini, maka sepertimana yang telah saya katakan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, usaha-usaha kita itu telah terjejas sedikit oleh sebab kemelesetan ekonomi.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sama ada angka-angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi merangkumi harta kepunyaan agensi-agensi Kerajaan, misalnya MARA, UDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, PERNAS dan sebagainya.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak dapat memberi ceraihan yang sepenuhnya terhadap angka ini, tetapi mungkin termasuk juga daripada agensi-agensi amanah yang dikelolakan oleh Kerajaan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Sama ada benarkah bahawa Kerajaan bercadang untuk melanjutkan Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990? Jika ya, nyatakan bentuk dan ciri-ciri serta masa perlanjutan dasar tersebut.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, soalan itu juga telah saya jawab dahulu dalam Dewan yang mulia ini yang mana saya telah menyatakan bahawa apa-apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan seterusnya selepas tahun 1990 adalah bergantung kepada pengkajian dan tahap pencapaian pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 itu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** (Bangun).

**Tuan Yang Dipertua:** Penghabisan!

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang Dipertua, satu daripada kegagalan bumiputera dalam mendapatkan pemilikan harta bagi menyelaraskan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, saya ingin bertanya adakah beliau sedar di mana bumiputera tidak mampu ataupun tidak dapat membeli pemilikan harta itu, terutama sekali dari segi rumah yang dibangunkan oleh swasta ataupun badan berkanun. Apakah langkah bagi Jabatan Perdana Menteri bagi membolehkan pemilikan harta kepada bumiputera ini dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, apa-apa tindakan yang akan diambil berhubung dengan soalan itu sememangnya tak masuk dalam tugas Jabatan Perdana Menteri.

## GRADUAN UNIVERSITI— PENGELUARAN

**12. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar terdapat pendapat di kalangan akademik bahawa negara kita sedang mengeluarkan terlalu ramai graduan-graduan universiti dan universiti-universiti tempatan menghadapi kekurangan “par excellence”. Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan bercadang mengambil untuk membetulkan keadaan tersebut.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar terdapatnya pendapat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dalam soalan ini mengenai pendapat bahawa universiti tempatan, dengan izin, “lack par excellence”, itu agak sukar ditentukan. Konsep “excellence” atau kecemerlangan itu adalah satu perkara yang relatif dan agak sukar diberi nilai yang konkrit.

Seperti universiti-universiti lain di seluruh dunia, tenaga-tenaga akademik universiti-universiti tempatan sentiasa giat berusaha untuk meningkatkan taraf pencapaian akademik, malah ada tenaga-tenaga akademiknya yang telah dilantik menjadi pemeriksa luar dan pakar perunding bagi universiti-universiti luar negeri.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, dengan izin soalan ke 13.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).*

## KAD PENGENALAN/SURAT BERANAK—PEMEROSAN

**14. Tuan Justine Jinggut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa

pemerrosan (proses) Kad-kad Pengenalan dan Surat Beranak adalah mengambil masa begitu lama. Apakah tindakan untuk mempercepatkan pemerrosan tersebut. Ini adalah kerana Kad-kad Pengenalan dan Surat Beranak sangatlah perlu kepada rakyat, khasnya kepada rakyat yang tinggal di pendalaman.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, pada kezimannya permohonan untuk mendapatkan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran adalah diperoses dalam masa tidak lebih dari yang diperlukan. Proses menimbang dan memutuskan permohonan ini adalah dibuat dengan secara teliti dan mendalam terhadap kebenaran dokumen-dokumen yang dikemukakan serta keterangan latar belakang permohonan itu sendiri. Di samping itu, mungkin terdapat kelewatan dalam memproses permohonan ini disebabkan oleh kelewatan pemohon itu sendiri membuat permohonan di luar jangka masa yang telah ditetapkan dalam Ordinan yang berkenaan. Ada juga kelewatan disebabkan oleh maklumat yang tidak mencukupi dibekalkan oleh pemohon-pemohon.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan berpuas hati dengan kaedah dan masa yang diambil dalam memproses permohonan tersebut. Dalam pada itu, Kerajaan berharap orang ramai dapat mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Ordinan yang berkaitan dengan permohonan Kad Pengenalan dan Surat Beranak dan mengelakkan berlakunya sebarang kelewatan.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir)*

**Tuan Yang Dipertua:** Soal berbalik semula.

Yang Berhormat Dr George Chan  
Hong Nam.

**Tuan Bahari bin Haron:** Tuan Yang  
Dipertua, soalan No. 7.

**PELAJAR DI JEPUN/KOREA  
SELATAN—JENIS LATIHAN**

**7. Tuan Bahari bin Haron** (*di bawah  
S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran  
menyatakan jumlah bilangan pelajar  
kita:

- (a) yang sedang belajar di luar negeri; dan
- (b) yang sedang belajar di Negeri  
Jepun dan Korea Selatan serta  
bilangan mengikut kaum yang  
diberi biasiswa atau pinjaman  
belajar oleh Kerajaan kita,  
Kerajaan Jepun dan Kerajaan  
Korea Selatan masing-masing  
dan apakah kursus-kursus atau  
jenis latihan yang mereka ikuti.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad  
Badawi:** Tuan Yang Dipertua, saya  
minta izin menjawab bagi pihak  
Menteri Pelajaran.

**Tuan Yang Dipertua:** Boleh.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad  
Badawi:** Minta maaf, kerana Menteri  
Pelajaran tidak ada di sini.

Berhubung dengan jawapan ini, iaitu  
jumlah enrolmen pelajar-pelajar  
Malaysia di luar negeri sehingga  
Januari, 1982 adalah seramai 52,015  
orang. Adalah dijangkakan bahawa  
bilangan ini akan bertambah kepada  
60,000 orang pada akhir tahun 1982,  
iaitu pertambahan sebanyak 14.7%  
kalau dibandingkan dengan tahun  
1981.

Berhubung dengan bahagian kedua  
soalan ini pula, pelajar-pelajar  
Malaysia yang menerima biasiswa

Kerajaan Jepun dan Kerajaan  
Republik Korea dalam tahun 1983  
adalah seperti berikut:

Jenis biasiswa:

Biasiswa Kerajaan Jepun—  
Kursus Ijazah Pertama Biasiswa  
Mombushu (ertinya Kursus  
Biasiswa Kementerian Pelajaran,  
Jepun):

Bumiputera — 2  
Bukan Bumiputera — 4

Kursus Lepas Ijazah Biasiswa  
Mombushu Jepun (Kementerian  
Pelajaran, Jepun):

Bumiputera — 9  
Bukan Bumiputera — 2

Biasiswa Kerajaan Persekutuan  
yang dikeluarkan oleh JPA untuk  
pelajaran di Republik Korea:

Bumiputera — 1  
Bukan Bumiputera — tiada

Kursus dalam Perkhidmatan bagi  
Guru-guru:

Bumiputera — 5  
Bukan Bumiputera — 2

Kursus Bahasa Jepun di Jepun:

Bumiputera — 24  
Bukan Bumiputera — tiada

Kursus Bahasa Korea di Seoul,  
Korea:

Bumiputera — 11  
Bukan Bumiputera — 1

Biasiswa Kerajaan Republik  
Korea untuk Pentadbiran Awam:

Bumiputera — 1

**Tuan Peter Chin Gan Oon:** Tuan  
Yang Dipertua, soalan tambahan.  
Memandangkan bilangan kecil kaum  
pelajar bukan bumiputera di Jepun dan  
Korea Selatan, bolehkah Kerajaan  
memberi lebih banyak peluang kepada  
mereka untuk belajar di negeri-negeri  
tersebut supaya sekembalinya mereka  
boleh memimpin kaum-kaum bukan

bumiputera dalam mempraktikkan kebaikan-kebaikan dasar Pandang ke Timur.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, soal itu boleh dipertimbangkan.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut jawapan yang diberikan oleh Menteri yang berkenaan tadi bagi mereka yang graduate dan pulang ke negara kita ini, adakah pihak Kerajaan mempunyai kemampuan untuk menampung beban memberi jawatan kepada mereka, adakah Kerajaan memberi keutamaan kepada mereka di dalam jabatan Kerajaan.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian menggalakkan pelajar-pelajar yang ingin pergi ke negara Jepun dan Korea dengan keupayaan sendiri.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk menjamin pekerjaan untuk graduan-graduan ini. Walau bagaimanapun, di mana kita dapat memberi jawatan kepada mereka, kita berbuat demikian.

Mengenai soalan kedua, kalau tidak salah saya galakkan.

**Tuan Yang Dipertua:** Membenarkan private student pergi mengaji dengan sendiri di mana-mana.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Kerajaan tidak ada halangan untuk mereka mempelajari di mana-mana sahaja iaitu di negara Korea dan Jepun sepertimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, apakah kursus yang

diambil oleh pelajar-pelajar kita yang dihantar ke negeri Jepun dan Korea sama ada kursus-kursus itu merupakan kursus ijazah ataupun kursus-kursus kemahiran sahaja dan kalau kursus itu merupakan kursus ijazah apakah negara kita mengiktiraf ijazah daripada negeri Jepun dan juga Korea atau universiti-universiti yang tertentu sahaja daripada negara tersebut yang kita iktirafkan.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, pelajar-pelajar kita yang pergi ke negeri Jepun dan Korea menjalani kursus-kursus ijazah dan juga kursus-kursus amali dan mengenai pengiktirafan ada di kalangan kursus-kursus ataupun disiplin yang dipelajari di universiti-universiti di negeri Jepun adalah diiktirafkan oleh Kerajaan kita.

#### DOKTOR-DOKTOR DARI UNIVERSITI INDIA

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor dari universiti-universiti India yang "unscheduled" yang telah lulus peperiksaan kelayakan, bilangan yang telah mengambil peperiksaan sehingga maksima tiga kali dan gagal, bilangan calon-calon yang disenaraikan untuk mengambil peperiksaan tersebut, dan mengapakah doktor-doktor yang telah lulus peperiksaan tersebut diberi gaji dan emolumen yang rendah berbanding dengan doktor-doktor lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San):** Tuan Yang Dipertua, semenjak peperiksaan di bawah Seksyen 12 (1) (aa) Akta Perubatan 1971 diadakan mulai 1977, seramai 402 calon dari universiti-universiti dan kolej-kolej Perubatan yang tidak disenarai dalam Jadual Dua Akta telah menduduki peperiksaan.

Tuan Yang Dipertua, seramai 318 daripada jumlah calon ini telah lulus dalam peperiksaan tersebut. Daripada jumlah 402 calon ini, seramai 326 calon adalah dari Pusat-pusat Pengajian Perubatan di India dan jumlah calon itu yang lulus ialah 278.

Tuan Yang Dipertua, daripada jumlah calon dari semua negeri yang gagal, 77 orang masih lagi mempunyai peluang-peluang menduduki peperiksaan ini. Setiap calon adalah diberi peluang sebanyak 6 kali untuk menduduki peperiksaan ini. Hanya 7 orang calon telah habis peluang maksima mereka untuk menduduki peperiksaan ini.

Tuan Yang Dipertua, jumlah calon yang akan menduduki peperiksaan mulai 14-11-83 adalah 45.

Calon-calon yang lulus peperiksaan ini dilantik ke jawatan doktor pelatih dan dibayar elaun. Elaun mereka adalah kurang dari gaji doktor-doktor lain kerana mereka tidak mempunyai kelayakan perubatan yang diiktiraf dan belum lagi berdaftar penuh di bawah Akta Perubatan 1971.

**Tuan Yang Dipertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10, 13 dan 15 adalah diberi di bawah ini.)*

#### **ELEKTRIK—PERMINTAAN BEKALAN**

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar pembekalan letrik jauh mengatasi permintaan untuk letrik di seluruh negara dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk hentikan projek-projek pengeluaran letrik, termasuk projek-projek hidro-letrik supaya dapat mengelakkan

pembekalan berlebihan (over-supply) serta memelihara sumber-sumber tenaga.

#### **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):**

Keupayaan penjana adalah sentiasa melebihi permintaan. Keupayaan yang berlebihan ini adalah perlu untuk menampung pembekalan tenaga dari set-set janakuasa yang rosak semasa kendalian dan juga set-set janakuasa yang terpaksa dihenti tugaskan kerana kerja-kerja penyenggaraan biasa, dan untuk menampung kekurangan keupayaan pembekalan tenaga dari stesyen-stesyen janakuasa haidro yang berlaku akibat kekurangan air di kawasan ampangan terutama sekali pada musim kemarau.

Bagaimanapun, oleh kerana kemelesetan ekonomi sekarang, sudah ternampak keperluan pertambahan tenaga tidaklah setinggi yang dijangkakan dahulu. Keadaan ini memberi peluang bagi Kerajaan untuk mengulang kaji program pembangunan kuasa elektrik untuk mengimbangkannya dengan keperluan tenaga yang sebenar. Dan ekoran dari kajian itu, Kerajaan telah mengambil langkah menyusun semula jadual pelaksanaan beberapa projek penjana kuasa.

#### **PERKHIDMATAN NEGARA**

**13. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan melaksanakan perkhidmatan militer nasional.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sudah beberapa kali dijawab di Dewan Yang Mulia ini, dan seperti jawapan-jawapan saya yang

lepas kerajaan masih belum bercadang untuk melaksanakan Perkhidmatan Negara.

### **JALAN RAYA BARU TUARAN— KOTA BELUD**

15. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jalan raya yang baru diukur di antara Tuaran dan Kota Belud dapat dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja ukur, rekabentuk dan Dokumen Tender, jalan tersebut telah siap disediakan. Walau bagaimanapun, pembinaan jalan raya itu terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan kewangan mengizinkan.

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketiga)

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang Dipertua *mem-  
perkerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4,  
B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10,  
B. 11, B. 12, B. 13, B. 14, dan  
B. 15 (Jadual)—*

*Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9  
(Anggaran Pembangunan, 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri sila sambung.

*4.06 ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Pengerusi, semalam semasa menjawab ucapan daripada Ahli dari Kuala Lumpur Bandar saya telah menyentuh mengenai dengan Biro Pengaduan Awam khususnya mengenai dengan kekurangan kekitangan.

Saya ingin mengatakan bahawa sebenarnya kakitangan di dalam Biro ini telah pun ditambah pada 1982, tahun lalu, sebanyak 4 orang iaitu 2 pegawai PTA, seorang kerani dan seorang penolong kerani. Biro ada membuat lawatan ke daerah-daerah dan ibu pejabat negeri dari masa ke semasa. Untuk masa ini seperti yang saya katakan tidak perlu menubuhkan cawangan-cawangan di negeri-negeri, tambahan pula kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri memuaskan dan penyelesaian aduan melebihi daripada 65% setahun pada tahun 1980, 1981 dan 1982. Jadi, pada keseluruhannya kuasa yang ada pada kita pada ketika ini adalah memadai; dan memandangkan kepada kekurangan kewangan pada ketika ini maka begitulah kedudukannya sehingga peruntukan dan kewangan Kerajaan mengizinkan.

Ahli yang sama juga telah membangkitkan soal penyelarasan pelaksanaan projek-projek. Unit Penyelarasan Pelaksanaan memang

telah ditugaskan untuk mengawal pelaksanaan projek-projek di seluruh negara kita ini; dan mengenai dengan soal setingan di kawasan beliau, soal mengenai dengan pentadbiran pengurusan dan penyelesaian masalah-masalah setingan ini telah pun saya katakan di dalam jawapan beberapa hari yang lalu; dan soal menubuhkan suatu Suruhanjaya Timbangtara untuk menyelesaikan hal-hal setingan tidaklah perlu kerana undang-undang dan aturan-aturan yang ada itu memadai pada ketika ini.

Ahli dari Labis telah meminta supaya dalam melaksanakan tugas-tugas dan gerakan-gerakan anti-dadah, ini tidak menarik perhatian orang ramai dan beliau telah mencadangkan untuk mendapat sokongan ataupun prestasi yang lebih baik lagi kalaulah pengecualian cukai pada penderma-penderma atau pembantu-pembantu yang memberi sumbangan dipertimbangkan. Ini terserahlah kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkannya.

PERNAS telah dibangkitkan juga. Berkenaan dengan pertunjukan yang diadakan di luar negeri, sayugia saya ingatkan bahawa pertunjukan-pertunjukan yang diadakan ini adalah mengikut ukuran keperluan untuk melaksanakan urusan-urusan PERNAS sebagai satu kumpulan syarikat-syarikat perdagangan yang ditaja dan dimajukan oleh Kerajaan negara kita. Dan saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa apa sahaja langkah-langkah yang diambil seperti itu adalah khususnya yang dianggap perlu.

Ahli yang sama juga telah menimbulkan soal perkapalan, perkapalan MISC. MISC memang dari semasa ke semasa berusaha mengisi jawatan-jawatan yang disandang oleh pegawai asing atau dagang dengan pegawai tempatan.

Walau bagaimanapun oleh kerana jumlah pegawai tempatan yang berkecukupan di bidang perkapalan masih lagi berkurangan, berbanding dengan permintaan atau dengan izin, demand, yang banyak, oleh itu MISC mesti berikhtiar dan masih lagi terpaksa menggunakan khidmat pegawai-pegawai asing ataupun pegawai dagang. Pada ketika ini kita mempunyai satu Pusat Latihan di Melaka iaitu Pusat Latihan Perkapalan ALAM di Melaka yang mana sedang berusaha untuk menambahkan lagi bilangan anak-anak Malaysia yang akan memasuki bidang perkapalan terutama sekali di dalam bidang perkapalan saudagar ataupun dengan izin merchant shipping di negara kita pada masa akan datang; dan adalah diharapkan apabila Akademi Laut Malaysia atau ALAM ini dapat memainkan peranan yang lebih tegas dan lebih menyeluruh lagi, maka kekurangan-kekurangan kakitangan yang ditimbulkan itu akan dapat ditampung dan diselesaikan beransur-ansur.

Ahli dari Batang Padang telah menyebut perkara mengenai dengan kedudukan Jurubahasa dan Penterjemah-penterjemah di Parlimen di mana beliau rasa kedudukan mereka perlu diperbaiki. Jawapan yang harus saya berikan ialah perkara yang dibangkitkan itu memanglah perlu dikaji seperti juga soal-soal kemudahan-kemudahan gaji dan sebagainya kakitangan perkhidmatan awam. Oleh itu jawapan yang muktamad tidak dapat diberikan pada ketika ini.

Ahli dari Kota Melaka telah menimbulkan beberapa perkara dan khususnya mengenai dengan perusahaan dan tanggungjawab pelaksanaan tugas-tugas PETRONAS dan beliau telah membangkitkan mengenai dengan keselamatan di pelantar-pelantar PETRONAS ataupun EPMI di laut pantai

Terengganu. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya telah pun memberi jawapan kepada perkara ini semasa soal jawab di satu ketika dahulu dan sebenarnya saya sendiri telah melawat Pelantar Carigali kita di laut pantai Terengganu dalam bulan September dan melihat keadaan di pelantar kita di situ; dan selain daripada itu untuk pengumuman Dewan ini saya juga telah melawat pelantar kita di Bintulu di pantai Sarawak untuk meninjau, antara lain, kedudukan keselamatan dan kawalan di pelantar-pelantar kita.

Tuan Pengerusi, saya merasa puas hati dengan kawalan-kawalan yang ada di situ, seberapa yang boleh kita laksanakan, dan sebenarnya tidak ada sebarang kecuaiian dari segi pengawalan dan penjagaan keselamatan mahupun di atas pelantar ataupun dari segi bahaya daripada anasir yang jahat yang bertujuan tidak baik kepada negara kita; dan kalau tidak cukup cermat dan tidak cukup jaga keselamatan di pelantar kita itu nescaya orang kita atau orang asing tidak akan tertarik bekerja di situ.

Sebenarnya soal ini tidak timbul dan saya memberi jaminan kepada Dewan ini yang segala usaha untuk menjaga dan mengawal dan memperbaiki di mana perlu keadaan di pelantar-pelantar kita itu akan kita usahakan di masa akan datang atau bila masa sahaja perlu dijalankan.

Mengenai dengan industri-industri yang diadakan oleh PETRONAS di Negeri Terengganu khususnya di Kerteh dan di Tanjong Berhala, sebenarnya projek-projek itu sedang berjalan dengan baik pada ketika ini; dan seperti yang kita ketahui satu kilang penapis minyak telah pun ditubuhkan di situ walaupun kilang penapis minyak ini tidak dapat menampung keperluan minyak bertapis dan lain-lain bahan-bahan daripada petroleum di negara kita, tetapi ini adalah satu permulaan yang

telah dibuat oleh Kerajaan dan ianya dilaksanakan dengan tujuan-tujuan yang telah diputuskan oleh Kerajaan dan bukanlah suatu refinery ataupun kilang penapis minyak itu dibina dengan sewenang-wenangnya sahaja.

Sebenarnya pertimbangan yang lanjut telah dibuat semasa merancang dan semasa melaksanakan, membina sehinggalah kilang penapis minyak Kerteh itu dapat mengeluarkan bahan-bahan petroleum. Memang benar bahawa kilang penapis minyak di Kerteh belum dapat mengeluarkan petroleum atau petrol. Ini adalah disebabkan ongkos atau harga untuk penapis petroleum pada ketika ini adalah mahal daripada yang boleh dibeli di pasaran yang terbuka. Jadi kalau kita menggunakan, dengan izin, common sense, maka tentulah kita tidak mengeluarkan petrol ataupun petroleum dari sana pada ketika ini kerana lebih lagi kita dapat menjimatkan peruntukan dengan membeli di pasaran yang terbuka, ataupun dengan menggunakan facilities yang terdapat misalnya di Singapura di mana minyak kita dihantar ke Singapura, diproses di situ dan kita bawa kembali ke negara kita dalam harga yang lebih murah.

Jadi menimbangkan ongkos itu, maka pada ketika ini memanglah benar PETRONAS belum lagi memproses petrol di Kerteh.

Mengenai dengan tapak refinery itu, sebenarnya tangki-tangki minyak mentah itu ditempatkan di Kerteh dan juga penapis minyak itu juga ditempatkan di Kerteh dan tidak ada sebarang kemudahan ini ditempatkan di Tanjong Berhala. Jadi Ahli dari Kota Melaka tidak mengetahui; beliau saya mintalah pergi melawat ke situ dan mengetahui lebih dekat lagi supaya apabila berucap di Dewan yang mulia ini lain kali mengetahui fakta-fakta sebelum berucap di sini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan Yang Berhormat dari Kota Melaka minta penjelasan. Hendah beri jalan?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam ucapan saya, saya ada sebut tangki-tangki kapal ada di Kerteh dan bukan di Tanjong Berhala, ada di buoy kilang penapis di Kerteh dan bukan di Tanjong Berhala. Saya harap lain kali baca teliti atau dengar teliti apa saya cakap.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya telah membaca salinan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Di dalam ucapannya itu beliau telah mengatakan Terengganu Crude Oil Terminal (TCOT), beliau katakan di Kerteh tetapi beliau katakan refinery itu di Tanjong Berhala, 40 km yang mana itu tidak betul. Yang sebenarnya, refinery itu juga ada di Kerteh dan bukan di Tanjong Berhala dan saya telah baca ucapan beliau, terjemahannya dalam bahasa Inggeris, yang kuning itu warnanya mengatakan begitu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, oleh kerana apabila masa itu ada kesilapan, tetapi apabila saya berucap itu yang benar, dengar apa saya cakap dan bukan baca skrip oleh kerana dalam taip . . . . .

**Ahli-ahli Yang Berhormat:** Boo!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini? Tuan Pengerusi, ini semua salah melanggar Peraturan Mesyuarat, oleh kerana mengikut Peraturan tidak boleh keluar bunyi-bunyi yang biadab. Di dalam ucapan saya mengatakan bahawa ada di Kerteh dan kenapa bukan di Tanjong Berhala, dan janganlah ikut apa yang silap di dalam skrip.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Pengerusi, lain kali keluarkanlah skrip yang betul. (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah membangkitkan soal perpaduan negara di mana masih lagi terdapat ketegangan di negara kita oleh sebab unsur-unsur perkauman. Jawabnya, ini memanglah menjadi tanggungjawab rakyat negara kita keseluruhannya untuk menentukan supaya usaha-usaha kita memupuk perpaduan seperti yang telah saya katakan juga semalam akan dapat kita perhebatkan lagi dalam usaha kita membina satu negara yang aman, damai dan maju setiap waktu.

Beliau juga telah, seperti beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, telah menimbulkan dan mempersoalkan soal penerapan nilai-nilai Islam. Ini sedang dijalankan dan segala pendapat ataupun saranan yang telah dikemukakan itu akan diberi pertimbangan.

Keadaan di Madinah juga telah ditimbulkan yang mana Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa perlu diperbaiki keadaan di situ. Dan memang benar bahawa pasport-pasport Jemaah Haji dipegang oleh Dalil Syeikh di Tanah Suci. Perkara ini telah ditetapkan oleh Peraturan Haji Arab Saudi yang dikeluarkan oleh Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi sendiri. Dengan yang demikian Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) tidak dapat hendak campur tangan dalam perkara ini.

Cadangan supaya LUTH membawa balik barang-barang seperti kurma dan air zamzam dalam penerbangan empty leg Fasa I, itu tidak dapat diterima kerana ianya sangat rumitkan. Amalan yang dibuat sekarang di mana

jemaah haji yang membawa balik kurma dan air zamzam bersama-sama mereka tidak menimbulkan apa-apa masalah. Perkara yang menyebabkan pesawat menjadi berat atau lebih berat tidak berbangkit kerana semuanya itu telah diambilkira dalam keseluruhan muatan tiap-tiap pesawat.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai menyentuh mengenai dengan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan khususnya kalau-kalau ada ketidakadilan di dalam pentadbiran atau urusan BPR. Perbezaan di antara kes-kes siasatan yang dibuka sebanyak lebih kurang 1,200 berbanding dengan maklumat-maklumat yang diterima, bukanlah disebabkan oleh kurangnya kemampuan pihak BPR. Setiap maklumat rasuah yang diterima adalah disiasat tetapi banyak maklumat yang dikemukakan kadang-kadang tidak cukup, kurang lengkap untuk membolehkan BPR membuka kes siasatan dan membuat siasatan lanjut dan secara mendalam.

Maklumat yang tidak ada berkaitan dengan rasuah diedarkan kepada jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk tindakan di mana perlu selanjutnya.

Tuan Pengerusi, adalah tidak benar bahawa fail-fail kes ditukarkan atau dilengkapkan kerana pertolongan orang-orang tertentu. Fail-fail kes hanya ditutup apabila penyiasatan selanjutnya tidak menghasilkan sebarang bukti bahawa rasuah ada dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga telah berkata bahawa begitu kurangnya hakim-hakim yang terdapat di negara kita dan oleh itu maka banyak kes-kes yang lambat dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan. Ini memang benar atas sebab-sebab tertentu, antaranya banyak daripada anak-anak Malaysia yang tidak begitu cenderung untuk memasuki bidang

ataupun profesyen kehakiman dan selain daripada itu lulusan-lulusan daripada Fakulti Undang-undang, kebanyakan mereka lebih lagi cenderung untuk memasuki ke dalam bidang swasta misalnya ke dalam bidang "advocates and solicitors". Walau bagaimanapun Kerajaan dalam perkara ini akan terus mencari jalan untuk memperbaiki lagi sistem kehakiman dan perbicaraan di negara kita ini. Dengan adanya sungutan-sungutan daripada rakyat, Kerajaan telah menghiraukan dan akan sedaya upaya mempercepatkan lagi penyelesaian atau perbicaraan kes-kes yang belum dibicarakan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai juga ada menyentuh mengenai dengan tingkah laku ataupun tata tertib di dalam Dewan Rakyat ini dan beliau mengatakan patut semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini mengendalikan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna.

Kerajaan mengambil berat mengenai dengan perkara-perkara kehadiran, sekurang-kurangnya pihak Barisan Nasional, Ahli-ahli dari pihak Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini dan adalah menjadi hasrat Kerajaan sentiasa mempertahankan dan kalau boleh mempertingkatkan lagi taraf perjalanan dan penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Memang ada dari semasa ke semasa yang hadir di Dewan ini dengan tata tertib yang kurang dan sehinggalah termasuk, misalnya, malangnya beliau sudah keluar, tetapi termasuklah Ketua Pembangkang yang mana kadang-kadang apabila beliau sudah naik darah, tidak teringat lagi, berputar-putar sehinggalah menjadikan Dewan yang mulia ini seperti satu (*dengan izin*) *debating school*; dan *debating school* ini memang baik di peringkat sekolah tetapi sepatutnya di Dewan yang mulia ini taraf dan keupayaan serta

kebolehan Ahli-ahli untuk memberikan gambaran yang baik kepada negara kita, sepatutnya tinggi di dalam urusan dan dalam masa menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab kita di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah menyentuh mengenai dengan kebimbangan bahawa Jabatan Odit pada ketika ini telah dilanda oleh tugas-tugas mengodit yang begitu banyak dan oleh itu keupayaan Jabatan Audit yang terhad itu tidak dapat menampung keperluan masa dan keperluan perkhidmatan yang dikehendaki. Sekali lagi Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah mengakui bahawa satu daripada masalahnya ialah kita tidak mendapat begitu banyak pegawai ataupun kelulusan yang berkenaan yang memasuki Jabatan Audit dan oleh itu menambahkan bilangan pegawai audit kita di negara ini.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam sentiasa mengawasi keadaan ini dan berikhtiar memperbaiki keadaan kekurangan yang disebutkan itu. Ahli yang sama telah juga mengatakan yang lebih-lebih lagi apabila badan-badan berkanun telah diwujudkan di negara kita ini maka lebih lagi usaha mereka itu tidak mencukupi untuk mengaudit akaun-akaun badan-badan berkanun. Sukalah saya mengingatkan Dewan ini bahawa sebenarnya bagi badan-badan berkanun, badan-badan ini dibenarkan untuk melantik pengaudit-pengaudit daripada bidang swasta untuk mengaudit akaun-akaun mereka iaitu juruaudit-juruaudit ataupun syarikat-syarikat juruaudit yang berdaftar dan diiktiraf di negara kita untuk mengaudit akaun-akaun agensi-agensi badan-badan berkanun Kerajaan. Dan audit itu diajukan kepada Jabatan Audit Negara kita untuk ditinjau ataupun disahkan sama ada semuanya kemas dan betul atau sebaliknya.

Ahli dari Kemaman juga telah melahirkan kebimbangan beliau mengenai dengan pembangunan-pembangunan perindustrian di negeri Terengganu khususnya bersabit dengan usaha-usaha syarikat-syarikat minyak yang telah tumbuh dan telah mula menjalankan perusahaan di Terengganu akibat daripada terjumpanya minyak tanah di laut pantai Terengganu. Sebenarnya dalam usaha ini syarikat-syarikat yang ada menjalankan perusahaan termasuklah EPMI dan PETRONAS Carigali sendiri sentiasa menghirau keperluan-keperluan dan kalau boleh dikatakan hak-hak anak-anak tempatan Terengganu di dalam pengurusan syarikat-syarikat ini. Sebarang bentuk perbezaan misalnya oleh mana-mana kontraktor PETRONAS terhadap pekerja-pekerja tempatan yang bertugas di luar pantai tidak boleh diabaikan.

Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa PETRONAS tidak boleh mengawal keadaan itu kerana pegawai-pegawainya yang dihantar ke luar pantai tidak mempunyai kuasa untuk bertindak. Sukalah saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya di pelantar-pelantar EPMI, (Esso Production Malaysia Incorporated) dalam perkataan sepenuhnya, di pelantar-pelantar EPMI itu pihak PETRONAS menghantar pegawai-pegawainya pada setiap masa, 24 jam sehari, dan pada tiap-tiap hari, kerana pengeluaran yang dikendalikan oleh syarikat asing EPMI ini memang begitu perlu di monitor ataupun dijaga dengan teliti oleh pihak PETRONAS. Dan saya harapkan bahawa kecuaiannya seperti itu memang tidak ada.

Semasa menjalankan tugas di luar pantai perkara yang amat dipentingkan ialah keselamatan kakitangan dan menentukan bahawa segala tindak-tanduk adalah bersesuaian dengan

amalan operasi petroleum yang diterima yang telah dimaktubkan telah dipersetujui di antara kita iaitu PETRONAS dan tiap-tiap syarikat asing yang telah menandatangani perjanjian untuk menggerudi, menjumpai dan melaksanakan perusahaan petroleum di negara kita ini.

Lazimnya pegawai-pegawai PETRONAS yang ditugaskan di luar pantai tidak campur tangan dalam kegiatan mengeluarkan minyak, kecuali jika benar-benar perlu dan mereka akan melaporkan sebarang perbuatan yang melanggar peraturan hanya apabila mereka pulang ke pantai. PETRONAS kemudiannya akan membangkitkan segala kesalahan besar, sekira ada, termasuk amalan beza-membeza atau diskriminasi kepada pihak pengurusan kontraktor yang berkenaan. Ini adalah semuanya bertujuan untuk mengawal supaya anak-anak tempatan yang telah mendapat latihan cukup benar-benar mendapat peluang untuk memasuki perkhidmatan dan perindustrian petroleum kita ini.

Semasa lawatan saya di Terengganu dalam bulan September dan Oktober juga saya sendiri telah berbincang, bertanya dan berbincang mengenai dengan peranan orang-orang tempatan kita khususnya anak-anak Terengganu di dalam perusahaan dan aktiviti-aktiviti minyak yang dijalankan di Terengganu ini. Satu daripada masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah bahawa syarat kelulusan sekolah minima yang dikehendaki supaya anak-anak tempatan itu dapat mengikuti latihan-latihan penting yang diberikan itu adalah agak tinggi, iaitu sekurang-kurangnya kelulusan Tingkatan Lima dan mempunyai kelulusan misalnya di dalam bidang matematik kerana perusahaan ini menggunakan banyak angka-angka yang begitu sophisticated apabila menjalankan tugas kelak.

Orang-orang ataupun anak-anak Terengganu memang diberi keutamaan untuk memasuki bidang perusahaan petroleum yang dijalankan di Terengganu ataupun perusahaan-perusahaan mahupun di terminal minyak mentah mahupun di kilang gas cecair yang sedang dibina itu ataupun di kilang penapis minyak kita itu ataupun di masa akan datang nanti adalah diharapkan juga, begitu juga di perusahaan HICOM yang akan diadakan di situ, tetapi tertakluk kepada mereka cenderung dan sanggup mengikuti kursus-kursus latihan yang penting terutama sekali apabila pemuda-pemuda dan juga pemudi-pemudi kita, tetapi dalam perusahaan minyak ini memanglah lebih banyak lagi pemuda-pemuda yang menyertainya, apabila mereka dipelawa untuk turut serta di dalam peringkat teknik bawahan di dalam perusahaan minyak ini mereka haruslah dan diwajibkan mengikuti sekurang-kurangnya empat peringkat latihan yang penting.

Satu, ialah peringkat yang awal di mana mereka diperkenalkan secara kasar apa dia perusahaan minyak ini; dan peringkat yang kedua, apabila mereka diperkenalkan dengan contoh-contoh alat-alat segala bahan-bahan dan segala segi-segi pelantar-pelantar yang di laut itu, contoh-contohnya, dengan izin, simulated aspects, examples, di pusat latihan di Kuala Terengganu. Dan peringkat yang ketiga mereka dibawa ke pelantar untuk melihat dengan kawalan yang rapi supaya mereka dapat meninjau dan dapat melihat bagaimana sebenarnya kerja-kerja, tugas-tugas, dijalankan oleh pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai di dalam perindustrian petroleum ini. Kemudian peringkat empat, mereka di bawa lagi ke pusat latihan supaya mereka diberi latihan yang terakhir, mereka diuji dengan secukupnya. Selepas itu kalau mereka didapati lulus

dan sudah mempunyai kemahiran barulah mereka dibenarkan untuk bekerja di pelantar-pelantar.

Semuanya ini adalah juga secara tidak langsung menjawab apa yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa keselamatan di pelantar kita tidak cukup. Itu memang tidak betul kerana daripada huraian saya tadi itu saya harap sebenarnya PETRONAS memang menjaga supaya latihan yang cukup diberi. Jadi, Tuan Pengerusi, kadang-kadang anak-anak tempatan kita itu tidak tahan hati sehingga terus mengikuti kursus-kursus ini supaya mereka mendapat peluang untuk berkhidmat dengan PETRONAS. Kalau yang perkeranian sahaja di tanah besar Terengganu itu tidak begitu rumit; dan sekali lagi anak-anak tempatan dan sekurang-kurangnya Bumiputera memang diberi keutamaan untuk menawarkan diri mereka, tetapi di situ pun memang terdapat juga latihan-latihan perkeranian yang melibatkan bukan sahaja susun-susun fail tugasnya tetapi termasuklah juga tugas-tugas perkeranian yang agak khusus kerana melibatkan perusahaan petroleum yang khusus itu.

Semuanya ini menyebabkan banyak juga anak-anak Terengganu yang lebih lagi cenderung untuk mencari pekerjaan yang lebih senang dan lebih cepat membawa gaji dan sebagainya kepada mereka. Sesudah mereka tamat tingkatan 5 atau tingkatan 6 mahu lagi berlatih berkali-kali. Jadi perasaan seperti ini memang ada dan menjadi satu sebab mengapa belum begitu atau tidak begitu banyak terdapat anak-anak tempatan yang memasuki perindustrian di situ, walhal tujuan PETRONAS dan arahan kepada syarikat-syarikat asing yang ada memuktubkan perjanjian mengusahakan petroleum dan gas di

negara kita ini memanglah arahan itu untuk memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan.

Selain daripada itu, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu sendiri memang sedia maklum bahawa soal penghijrahan orang Terengganu adalah satu soal yang agak rumit seperti juga Kelantan dan Melaka dan banyak pemuda-pemuda berhijrah daripada Terengganu misalnya ke Johor Bahru dan ke Singapura juga untuk mencari pekerjaan dan sebagainya. Ini juga menjadi satu sebab mengapa tidak terdapat begitu ramai pemuda-pemuda di Terengganu yang diam tetapi di situ dan mencari kemungkinan untuk bekerja di situ, kerana kalau pergi berhijrah itu kadangkala gaji ataupun pendapatan itu agak lumayan apabila sudah lama sedikit bekerja.

Saya sukalah memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa PETRONAS dan daripada itu syarikat-syarikat yang ada memenangi tender daripada PETRONAS memang diberi aturan-aturan yang hendaklah dipatuhi. Saya mengakui di sini barangkali mereka belum lagi mematuhi aturan yang telah ditentukan oleh PETRONAS itu. Tetapi ini akan senantiasa kita cuba memperbaiki lagi di masa akan datang. Masalahnya bukan sahaja masalah pentadbiran untuk memberi arahan secara pentadbiran supaya dipatuhi; masalah-masalah sosiologikal seperti yang saya sebutkan tadi juga timbul dalam usaha kita cuba memperbaiki keadaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ada membangkitkan khususnya perkara mengenai dengan perjalanan pilihanraya di mana pekerja-pekerja parti kadangkala dikacau oleh pihak parti-parti lawan yang lain. Bagi pihak Suruhanjaya, aturan-aturan itu memang begitu tegas dan kita semua sedia maklum, lebih-lebih lagi kita

yang menjadi Wakil Rakyat ini, bahawa rangkaian aturan-aturan "do's and don'ts" itu, dengan izin, memang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan sekiranya ada terdapat penyelewengan ataupun langkah-langkah melanggar aturan-aturan semasa pilihanraya itu dijalankan haruslah kita mendapati bantuan daripada pihak-pihak keselamatan yang mana senantiasa ada tidak berjauhan daripada kita bila masa sahaja pilihanraya diadakan di mana sahaja di negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga saya ingin memberi keterangan bahawa Kerajaan perlu mengkaji Undang-undang Pilihanraya atau memperketatkannya untuk menghindarkan keselamatan negara daripada diancam oleh mana-mana pihak. Soal berkaitan dengan keselamatan negara adalah dikawal di bawah undang-undang yang lain. Begitu juga dengan kawalan terhadap kegiatan-kegiatan jenayah oleh samsing-samsing dan jenayah-jenayah profesional. Undang-undang mengenai hal ini adalah mencukupi sekiranya dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak keselamatan. Undang-undang Pilihanraya tidak boleh merangkumi soal-soal berhubung dengan keselamatan negara kerana keselamatan negara adalah satu perkara yang lain. Kerajaan harus berhati-hati di dalam menyediakan undang-undang bersabit dengan pilihanraya untuk menentukan bahawa konsep kebebasan bagi rakyat untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya tidak terjejas seperti yang saya katakan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga telah membangkitkan soal mengenai LUTH minta diadakan bilangan doktor yang lebih mencukupi di Madinah dan di Mekah dan ini kita ambil perhatian dan kita akan mempertimbangkan dan cuba

memberi bantuan seberapa yang dikehendaki di mana keadaannya benar-benar memerlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi telah menimbulkan perkara mengenai dengan bilangan kerusi di dalam Parlimen kita. Ini adalah bidang kuasa pihak Suruhanjaya Pilihanraya dan disemak dari masa ke masa dan apabila perlu ditambah kerusi di mana yang perlu seperti juga yang telah dibuat baharu-baharu ini dan sedang kita laksanakan di masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menyebut soal PUSPATI (Pusat Pengajian Atomik Tun Ismail). Sukalah saya mengatakan bahawa PUSPATI, Pusat Atomik kita ini, adalah satu pusat yang berupa pembentukan peringkat pertama, peringkat asal sahaja dan tujuan PUSPATI bukanlah supaya kita mengeluarkan senjata-senjata nuklear. Tentu sekali tidak. Akan tetapi di sebaliknya seberapa boleh untuk negara kita berkecimpung di dalam tenaga nuklear bagi keperluan-keperluan, bagi maksud-maksud yang aman damai, misalnya untuk mendapatkan tenaga elektrik, tenaga untuk perusahaan dan sebagainya, di masa akan datang kalau-kalaulah sumber-sumber tenaga kita seperti minyak dan diesel telah mengurang dan kita perlu mencari sumber-sumber tenaga yang alternatif di tahun-tahun akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menimbulkan dari perkara di dalam perbahasan beliau dan mengenai dengan komen-komen beliau berkenaan LUTH seperti juga yang lain ini diambil perhatian dan kita akan laksanakan di mana yang perlu. Mengenai supaya diadakan pengangkutan kapal terbang dari Jeddah ke Madinah kerana masalah yang timbul, masalah tambang apabila

bas atau kereta-kereta yang terpaksa di sewa apabila bas telah terjejas di tengah jalan menyebabkan kesulitan-kesulitan yang dialami oleh para jemaah haji kita, ini akan diberi pertimbangan seberapa wajarnya oleh Kerajaan.

Ahli dari Padang Rengas juga telah membidas pegawai-pegawai yang kurang cekap, yang cuai, yang tidak menghadiri mesyuarat-mesyuarat apabila telah ditentukan. Ini memanglah satu kelemahan yang kita tidak boleh membiarkan dan kita mesti niengambil tindakan terhadapnya. Semua pegawai yang didapati tidak mematuhi apa-apa arahan tertentu seperti tidak hadir mesyuarat atau tidak menjalankan tugas dengan sempurna atau tidak sensitif kepada kehendak-kehendak orang ramai atau rakyat jelata hingga menjejaskan sesuatu rancangan Kerajaan maka pegawai-pegawai seperti ini memanglah dianggap tidak cekap dan tidak bertanggungjawab dan dengan demikian mereka lazimnya diambil tindakan tatatertib selaras dengan peraturan dalam Perintah Am Bab D 1980 di mana kuasa-kuasa mengambil tindakan tatatertib memang telah diturunkan kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan. Di samping itu program-program dan aktiviti-aktiviti ke arah menghasilkan pegawai-pegawai yang berfikiran positif dan dedikasi telah dan sedang berjalan melalui kursus-kursus dan penerangan-penerangan kepada pegawai-pegawai berkenaan. INTAN telah ditugaskan mengenai dengan ini dan banyak lagi latihan-latihan dan kursus-kursus di dalam negeri dan kadangkala kalau perlu di luar negeri yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang khusus yang digunakan menjalankan tugas-tugas yang khusus yang berkenaan telah dan sedang dan akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan demi mempertingkatkan lagi taraf dan keupayaan sert prestasi perkhidmatan awam negara kita.

Demikian juga dengan penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Daerah dan Kampung, semuanya ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah bertujuan untuk menghasilkan pegawai-pegawai yang sensitif dan berdedikasi dan kalau didapati pegawai itu tidak menggunakan kemudahan-kemudahan Jawatankuasa-jawatankuasa Daerah dan Kampung ataupun bahagian-bahagian pentadbiran yang mana boleh memberi exposure ataupun boleh memberi peluang untuk mereka menunjukkan kecenderungan dan kebolehan mereka, kalau mereka tidak menggunakan ini, kemudahan-kemudahan yang boleh mendedahkan mereka kepada rakyat dan boleh memberi mereka peluang untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa mereka itu adalah dedikasi dan sebagainya, kalau mereka tidak gunakan ini dengan cermat, pegawai-pegawai itu memanglah akan ditarik dan diambil tindakan yang sewajarnya. Yang penting di sini ialah supaya maklumat diberikan kepada Ketua-ketua Perkhidmatan Awam kita yang tertentu supaya penyiasatan dapat dibuat dan pegawai-pegawai yang cuai itu dapat diambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh juga telah turut serta dan membayangkan kebimbangan beliau mengenai dengan soal-soal pembangunan masyarakat dan beliau menggesa supaya pengesanan projek-projek yang dilaksanakan itu benar-benar telah dilaksanakan seperti yang ditulis dalam voucher-voucher ataupun laporan-laporan siapnya projek-projek itu. Dalam soal ini saya rasa Kerajaan pada ketika ini sedang mempertingkatkan usaha-usaha menyasat ataupun mengetahui benar-benar sama ada pegawai-pegawai yang telah dipertanggungjawabkan untuk memberi laporan dan mengisahkan laporan siapnya projek itu sedang dijalankan oleh Kerajaan. Kerajaan

akan bertindak melalui pihak-pihak yang berkenaan termasuklah meminta Badan Pencegah Rasuah untuk menyasat sekiranya ada penyelewengan atau pembohongan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli dari Tanjung Karang telah melahirkan rasa kecewa beliau kerana peruntukan untuk Yunit Hal Ehwal Wanita di JPM itu tidak mencukupi, ini akan kita semak dan menurut keupayaan di ketika ini dari segi kewangan kita akan dipertimbangkan rayuan dari Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli dari Tumpat telah mengutarakan sekali lagi soal-soal agama Islam dan bolehlah dikatakan kita bernasib baik kerana ada pentadbiran Islam yang teratur di negara kita ini. Mengenai kedudukan Kadi dan Kariah-kariah sepertimana yang diumumkan oleh Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya kira perkara ini penyelesaiannya akan menunggu masa sahaja sejajar dengan apa yang diumumkan oleh kedua-dua mereka.

Ahli dari Tumpat juga telah menyebut mengenai dengan hal-hal Islam semasa yang telah diperbincang oleh Persidangan Ulama-ulama di Kuala Terengganu baru-baru ini dan meminta 10 resolusi diambil perhatian. Ini boleh kita tinjau dan diambil perhatian nanti.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah mengambil masa yang agak panjang dan saya telah sampai kepada ahli yang akhir sekali iaitu dari Tumpat yang telah memberi pendapat beliau di dalam perbahasan mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri; dan dengan ulasan-usulan itu saya menggesa supaya peruntukan-peruntukan di bawah Kepala tertentu itu diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya bahawa wang sejumlah \$14,908,500 untuk Maksud B. 1; \$524,400 untuk Maksud B. 2; \$20,781,200 untuk Maksud B. 3; \$9,012,000 untuk Maksud B. 4; \$7,239,400 untuk Maksud B. 5; \$2,505,500 untuk Maksud B. 6; \$207,911,700 untuk Maksud B. 7; \$626,334,100 untuk Maksud B. 8; \$25,397,200 untuk Maksud B. 9; \$35,556,400 untuk Maksud B. 10; \$14,867,400 untuk Maksud B. 11; \$4,052,500 untuk Maksud B. 12; \$3,259,800 untuk Maksud B. 13; \$17,095,800 untuk Maksud B. 14 dan \$15,518,100 untuk Maksud B. 15 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,908,500 untuk Maksud B. 1; \$524,400 untuk Maksud B. 2; \$20,781,200 untuk Maksud B. 3; \$9,012,000 untuk Maksud B. 4; \$7,239,400 untuk Maksud B. 5; \$2,505,500 untuk Maksud B. 6; \$207,911,700 untuk Maksud B. 7; \$626,334,100 untuk Maksud B. 8; \$25,397,200 untuk Maksud B. 9; \$35,556,400 untuk Maksud B. 10; \$14,867,400 untuk Maksud B. 11; \$4,052,500 untuk Maksud B. 12; \$3,259,800 untuk Maksud B. 13; \$17,095,800 untuk Maksud B. 14; dan \$15,518,100 untuk Maksud B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$118,578,080 yang disebutkan dalam Maksud P. 7; \$7,700,000 untuk Maksud P. 8 dan \$12,094,200 untuk Maksud P. 9 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$118,578,080 untuk Maksud P. 7; \$7,700,000 untuk Maksud P. 8 dan \$12,094,200 untuk Maksud P. 9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

*Maksud B. 16, B. 17 dan B. 18 (Jadual)—*

*Maksud P. 16 dan P. 18 (Anggaran Pembangunan, 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Jerantut.

5.00 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada mukasurat 134 dan juga 135, Maksud Pembangunan P. 16, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Butiran (15) Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Maksud Pembangunan P. 16, Butiran (15) Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah, kalau kita lihat bahagian (ii) yang tertera iaitu pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak \$270,040,000 dan kepada MBSB sebanyak \$17,140,000.

Tuan Pengerusi, di dalam hubungan ini saya sukalah memberikan pandangan sedikit kepada Kementerian ini supaya dapat diambil tindakan ataupun untuk mengadakan beberapa perubahan demi untuk kepentingan rakyat dan untuk negara, iaitu khusus berkenaan dengan rancangan pembinaan rumah murah ini. Saya sendiri telah membangkitkan satu soalan pada 20hb Oktober, 1983 berkenaan dengan kemudahan-kemudahan sosial dan juga sukan serta tempat permainan dengan pembinaan rancangan perumahan awam kos rendah ini, ataupun tegasnya, Tuan Pengerusi, ialah bahawa bila ada satu

rancangan rumah murah maka adalah kawasan lapang yang disediakan. Maka pada ketika itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan jawapan dan saya sendiri sangatlah berpuas hati di atas jawapan tersebut. Walau bagaimanapun, saya memang bersetuju jika dikatakan bahawa beberapa kemudahan sosial di kawasan yang telah maju serta berhampiran memang boleh digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan di mana kita membina rumah-rumah murah ini. Tetapi pada umumnya kita dapat lihat banyak, saya tidak tahu di tempat lain, tetapi di kawasan saya ataupun di kawasan tempat saya pernah bekerja, kebanyakan daripada tanah-tanah lapang yang dikhaskan untuk katakan taman permainan kanak-kanak ataupun padang bola, padang bola jaring, badminton dan sebagainya tidak digunakan dan kawasan-kawasan lapang ini telah menjadi semak-samun dan ditumbuhi lalang.

Maka sekarang kita memperkatakan tentang imej Kerajaan, tidak kira ianya Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat yang melaksanakan projek tersebut. Jadi pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, perlu kita mengambil satu langkah supaya kawasan-kawasan lapang ini dibangunkan. Misalnya mengadakan peruntukan membina padang bola sepak, permainan yang lainnya dan juga taman permainan kanak-kanak.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah menjawab pada 20hb Oktober, 1983 bahawa padang-padang permainan kanak-kanak ini akan dapat disediakan bergantung kepada kedudukan kewangan Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah. Seperti yang termaklum kebanyakan Pihak-pihak Penguasa Tempatan ini tidak mempunyai cukup peruntukan untuk mengadakan projek seumpama itu di kawasan rumah-rumah yang telah

dibina sama ada oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat. Jadi, oleh itu saya sukalah dalam hubungan ini mencadangkan kepada Kementerian supaya bila ada kawasan-kawasan lapang, tanah lapang yang bersama-sama dirancang dengan rumah murah ini, bila kita melakukan pembinaannya tidak kira Kerajaan Negeri ataupun Pusat, maka mestilah dibangunkan juga kawasan lapang itu dan di dalam peruntukan pembinaan rumah murah ini dimasukkan sekali peruntukan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Dalam hubungan ini juga, Tuan Pengerusi, saya dalam soalan tambahan kepada soalan itu, berkaitan dengan rumah murah ini, saya juga telah meminta dan berkata pihak-pihak pemaju swasta kita tetapkan garis panduannya bahawa bila mereka membina rumah maka mesti disediakan kawasan permainan, surau dan sebagainya dan nampaknya perkara itu berjalan dengan baik. Jadi kalau memandangkan bahawa perkara ini telah dijalankan dengan baik oleh pihak yang lain, saya berpendapat sangatlah wajar pihak kita pula memikirkan supaya membuat suatu tindakan yang tepat dengan hasrat oleh rakyat dan juga keseluruhan negara kita.

Yang keduanya berkaitan dengan rancangan perumahan awam kos rendah ini, Tuan Pengerusi, untuk perhatian Kementerian yang berkenaan ialah berkenaan dengan saiz ataupun besarnya rumah ataupun rumah pangsa (flat) yang dibina untuk kalangan berpendapatan rendah. Bila kita perhatikan, ambillah contoh sebagai rumah murah yang paling murah sekali, didapati saiznya terlalu kecil (sub-size), yang mana tidak mendatangkan keselisaan kepada keluarga terutamanya keluarga yang telah banyak anak, dan kita pernah membaca di suratkhbar satu peristiwa berlaku di pembinaan rumah di Bandar

Tun Abdul Razak yang mana pintunya ada satu sahaja, di hadapan sahaja ada pintu, di belakang tidak ada; dan banyak lagi contoh-contoh yang seumpamanya.

Jadi saya berpendapat berkenaan dengan rumah murah ini, kalau kita bina besar sedikit saiznya, tanahnya pun kita ada banyak dan kalau kerana besar sedikit saiz ini maka harganya tinggi sedikit, saya rasa adalah wajar harga itu dibayar oleh pembeli dan seperti yang kita tahu mereka membayar bayaran rumah ini dengan secara beransur-ansur ataupun dibiayai oleh institusi kewangan; tambahan yang sedikit itu tidak terasa sangat jika dibayar dalam tempoh 15 tahun ataupun 20 tahun. Jadi dengan tambahan kewangan yang sedikit kita dapat membina rumah yang lebih besar kepada mereka yang mempunyai keluarga yang ramai.

Begitu juga berkenaan dengan rumah pangsa (flat) ataupun dengan izin, walk-up flat—flat 4 tingkat. Jadi saya pernah berpeluang melihat pembinaan flat-flat ini di kawasan Taman Keramat melalui pembinaan pasang-siap ataupun, dengan izin, system housing yang mana saiznya terlalu kecil serupa dengan rumah murah itu tadi juga.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa anggaran besarnya? Yang kecilnya, besar mana dan yang besarnya, besar mana; sebut supaya mudah pihak Menteri menjawab. Sila.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Tuan Pengerusi, lebih kurang 500-600 kaki persegi yang walk-up flat yang murah sangat itu. Jadi saya tidak dapat memberikan saiz tadi kerana dia ada berbagai-bagai saiz yang saya katakan lebih kurang 500-600 kaki persegi. Kalau saya silap saya minta maaf tetapi dari pemerhatian saya itu sangat kecil.

Jadi akibat kepada keluarga yang ramai adalah mendatangkan tidak selesa dari segi penghidupan mereka. Tanah kita banyak, luas sedikit daripada negeri-negeri jiran kita dan saya tarik perhatian Kementerian, negara jiran kita Singapura misalnya, juga melaksanakan flat-flat seperti ini dan saiznya itu lebih besar walaupun harganya murah ataupun dalam takrif rancangan perumahan awam kos rendah. Jadi kalau mereka kesempitan tanah, kita ada tanah lebih sedikit mengapa tidak kita membina flat-flat yang lebih selesa dan luas. Dan sekali lagi seperti rumah awam, flat tadi kita boleh menambah sedikit harga dan dengan pertambahan harga ini tadi, pembeli boleh membayar dan tambahannya tidaklah terasa kerana mereka ini membayar katakan dalam lingkungan 15-20 tahun.

Satu perhatian, Tuan Pengerusi, saya perhatikan flat empat tingkat ini tidak mempunyai lift. Memanglah sepatutnya tidak mempunyai lift maka dia pakai tangga. Kerana kecilnya flat ini tadi dan saiz bilik serta ruang tamu dan sebagainya tangganya pun saiz dia kecil. Dan satu kesulitan timbul bila ada orang meninggal atau mati daripada tingkat empat hendak turun tempat membawa jenazah atau keranda itu tidak dapat turun tangga. Jadi adakah kita orang yang hidup ini tidak fikirkan orang yang mati? Jadi ini alasan-alasan, maka perlu kita besarkan sedikit. Sudah ada kejadian di mana tidak dapat kita bawa keranda naik, jadi agaknya lipat-lipat sedikit bawa turunlah jenazah itu. Jadi bagi orang Islam perkara seperti ini tidak berapa baiklah.

Tuan Yang Dipertua, itulah berkaitan dengan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah. Saya minta benarlah Kementerian dapat memberi perhatian serta mengeluarkan garis panduan jika perlu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun siapa-siapa juga yang terlibat

di atas pembinaan ini supaya mengikut perkara-perkara tadi kalau Kementerian fikirkan perlu dan penting dan diamalkan.

Tuan Pengerusi, dalam mukasurat yang sama juga iaitu 134 dan 135 Maksud Pembangunan P. 16, Butiran 1 dan 2—Projek-projek di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan. Butiran 2 ini pula Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh hendak memberi garisan berapa pula peruntukan pada tahun ini, iaitu tahun 1984 kerana tidak ada. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang Penguasa-penguasa Tempatan ini iaitu beberapa perkara.

Yang pertama, berkenaan dengan pentingnya Penguasa-penguasa Tempatan ini sebagai menjalankan satu lagi tugas-tugas Kerajaan baik Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat kepada rakyat. Dan di sini lagi sekali imej Kerajaan Pusat dan Negeri ataupun Daerah akan dapat dilihat oleh rakyat iaitu imej yang pertama sekali bila rakyat keluar daripada kawasan kampung mereka ataupun luar bandar pergi ke bandar. Bila sampai ke bandar itulah imej Kerajaan yang dapat mula-mula awal sekali, bandar itu bersih, bandar itu baik, bandar itu maju dan sebagainya. Jadi oleh itu kita akan dapat tahu betapa pentingnya pihak Penguasa-penguasa Tempatan. Jadi kalau begitu maka saya fikir Kementerian harus memberi perhatian yang lebih kepada pihak Penguasa Tempatan ini dalam mereka menjalankan beberapa tugas perbandaran. Misalnya pengangkutan sampah, kebersihan bandar, perkhidmatan pelan bangunan dan berbagai-bagai lagi.

Satu perkara yang jelas ialah sehingga pada hari ini kita melantik atau memberi tugas-tugas, orang yang menjaga pihak Penguasa Tempatan ini ataupun Majlis Daerah kepada Pegawai Daerah. Jadi Pegawai Daerah ini merupakan seperti, dengan izin, superman, dia buat semuanya. Dia juga D.O., Pemungut Hasil Tanah, dia juga Pengerusi Banjir, dia juga Pengerusi Bencana Alam dan sekarang dia juga Yang Dipertua Majlis Daerah. Jadi kalau saya katakan tugas ini penting, jadi kenapa pula kita tidak boleh melantik satu-satu orang yang khusus menjadi Yang Dipertua Majlis Daerah. Dan barulah saya fikir perjalanannya akan dapat diselesaikan dengan cermat, teratur, kemas dan sebagainya. Bukan saya katakan semasa Pegawai Daerah menjaga perkara ini tidak kemas tetapi saya katakan di sini kerana dia banyak tugas-tugas yang lain, jadi tugas ini salah satu daripada tugas yang penting, maka perjalanannya agak lambat dan juga tidak teratur.

Dan sehubungan dengan ini juga, Tuan Yang Dipertua, beberapa keputusan penting akan dibuat oleh pihak Penguasa Tempatan, umpamanya, meluluskan pelan-pelan bangunan, mencadangkan dan meluluskan beberapa lagi umpamanya rancangan-rancangan perumahan dan berbagai-bagai lagi. Dan untuk perkara ini memerlukan satu kefahaman dan juga satu pengetahuan dari segi berbagai-bagai teknik, pelan, bagaimana hendak membuat satu saluran air, saluran najis dan sebagainya. Jadi oleh itu di sini kita mesti perhatikan bahawa kakitangan yang bekerja di Majlis Daerah ataupun Pihak Penguasa Tempatan perlu ada pengetahuan-pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu untuk melaksanakan tugas-tugas Penguasa Tempatan.

Tuan Pengerusi, apa yang terjadi sekarang ialah kakitangan-kakitangan itu tidak ada. Tidak ramai ataupun

tidak cukup. Maka oleh itu ada kemungkinan terjadi, tanpa cukup pengetahuan kita ini, kita telah meluluskan pelan bangunan yang sepatutnya tidak boleh lulus ataupun meluluskan satu rancangan perumahan yang sepatutnya tidak boleh, jadi kerana juta kurang mempunyai kakitangan mahir ataupun kita kurang mempunyai kakitangan yang tahu dalam bidang itu. Tetapi pokoknya benda itu kena lulus juga sebab tidak ada kuasa yang lain daripada Penguasa Tempatan boleh meluluskan perkara itu. Di sini duduknya satu perkara yang penting dalam bidang ini untuk perhatian Kementerian.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya mencadangkan di sini kalaulah Pihak Penguasa Tempatan ini tidak mampu menggaji dan peruntukan daripada Kementerian tidak ada, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian sendiri dengan adanya jabatan umpamanya Jabatan Perancang Bandar dan Desa tadi, ataupun kepakaran yang ada di Kementerian supaya mereka ini melawat ke Majlis-majlis Tempatan, Penguasa Tempatan atau Majlis Daerah, umpamanya, sebulan sekali kita buat round ke seluruh negara. Mula-mula ke Jerantut misalnya. Pihak Penguasa Tempatan atau Majlis Daerah Jerantut. Lepas itu pindah ke Temerloh, ke Maran dan berbagai-bagai lagilah. Hantar pegawai-pegawai ini supaya menyeliakan beberapa sistem yang ada dalam Penguasa Tempatan. Ini kalau kita kekurangan staff.

Yang keduanya, Pihak Penguasa Tempatan juga kena memikirkan tentang punca kewangan mereka sebenarnya banyak. Berbagai-bagai cukai, cukai pintu, cukai perniagaan, cukai hiburan dan berbagai-bagai lagi yang tidak dikutip. Cuba kutip tidak dapat pun ada. Yang tidak tahu hasil pun ada juga. Ini membayangkan juga ketidak cekapan dari segi kita

mengenal pasti apakah hasil kita, siapa yang berhutang dengan kita. Orang ini berapa tahun tidak bayar dan sebagainya. Jadi kalau kemas di Bahagian Kewangan ini saya yakin Penguasa Tempatan akan dapat mempunyai kewangan yang cukup. Yang demikian akan dapat menggunakan kewangan mereka ini untuk kerja-kerja yang berkaitan. Sebagai kesimpulannya, Tuan Pengerusi, kepada Kementerian ini, dua perkara yang saya bangkitkan iaitu berkaitan dengan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dan juga Pihak Penguasa Tempatan ini haraplah benar kita perhatikan betul-betul semoga imej Kerajaan dapat dibaiki dari masa ke semasa. Dan rakyat mengharap perkhidmatan-perkhidmatan kita yang baik akan menerima perkhidmatan dengan sempurna yang mungkin.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.20 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dengan Bekalan 16, mukasurat 127, Butiran 1100, Program (2), dan serentak dengan itu P. 16, mukasurat 135, Butiran 12.

Tuan Pengerusi, memang tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan besar rakyat yang berpendapatan rendah, terutama di kawasan-kawasan luar bandar adalah terutang budi kepada Kementerian ini kerana telah banyak menabur budi di dalam mengadakan projek-projek perumahan, terutama perumahan awam kos rendah di mana merupakan

satu keperluan utama bagi penduduk-penduduk ataupun keluarga-keluarga, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, saya berharap supaya usaha meneruskan projek pembinaan rumah awam kos rendah ini hendaklah terus dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, apabila saya sebutkan soal terus dipertingkatkan, mungkin Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya akan menjawab seperti berikut:

“Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan kepada rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman, sesuai dengan objektif Dasar Ekonomi Baru.”

Kita pun puas hati.

**Tuan Pengerusi:** Menteri menjawabkah itu?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Lebih kurang begitulah, saya agaklah Menteri akan berkata begitu. Itu memanglah betul. Dan sambung daripada itu, oleh sebab Tuan Pengerusi ganggu tadi saya sudah terpotong sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, Yang Berhormat sebagai Menteri menjawab ataupun hendak. . . .

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tidak, bahasa ajuk!

**Tuan Pengerusi:** Itu saya hendak pastikan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ya. Jadi mungkin dia nanti mengatakan:

“Oleh sebab kerana kemelesetan ekonomi sekarang ini, maka kita tidak dapat berbuat sepertimana yang dikehendaki oleh rakyat. Walau bagaimanapun. . . .”

Dia cepat-cepat sambung:

“Walau bagaimanapun, kita akan cubalah, insya Allah.”

Habis! Jawapan itu memang diketahui.

Apa yang saya hendak tekankan di sini dalam soal apabila saya katakan mempertingkatkan usaha oleh Kementerian ini, bukan sahaja dari segi wang ataupun peruntukan tetapi di dalam banyak perkara yang setengah pun disentuh oleh sahabat saya dari Jerantut kerana peranan Kementerian ini ada kait-mengaitnya dengan berbagai-bagai dasar dan polisi Kerajaan dan ada hubungannya dengan orang ramai dan juga Kerajaan di peringkat negeri-negeri.

Maksud saya, terutama sekali Pegawai-pegawai Perancangan di Kementerian ini perlulah di dalam keadaan yang meleset ini mengenalpasti di mana kawasan-kawasan yang benar-benar daif, yang terlalu mendesak yang perlukan kemudahan perumahan ini. Jadi kawasan-kawasan seperti ini sudah sewajarnya di dalam keadaan-keadaan meleset ini diberi keutamaan kepada mereka itu supaya penderitaan batin mereka itu dapat dibantu.

Umpamanya, sudahlah negara meleset, rumah pun tak ada, kadang-kadang setengah-setengah keluarga, terutama orang-orang Cina di kawasan saya, sebuah rumah sampai 5 keluarga duduk di dalam, tetapi nasib baiklah, alhamdulillah, orang Cina ini tak apa, dia 5 keluarga duduk di dalam tak apa, tetapi kalau Melayu, maaf bercakap, tetapi orang Cina sekarang laim macam (*Ketawa*). Orang Cina sekarang ini sudah datang ‘tukarmasa’, saya kata: Tak apa, orang Cina boleh duduk 4-5 keluarga. Dia kata: Sekarang tak boleh, Yang Berhormat, kita pun serupa Melayu, mana boleh duduk campur-campur macam ini. Inilah keadaan yang berlaku.

Kawasan-kawasan seperti ini, contohnya di kawasan saya umpamanya di Lenggong. Pada tahun 1982/83, waktu Kerajaan melancarkan Projek Rumah Awam Kos Rendah Lenggong II sebanyak 70 buah. Apabila iklan telah dikeluarkan, pemohonnya sebanyak 800 orang. Apabila ditapis, disemak, dikaji, disiasat oleh Pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Kementerian ini dan dipilih punya pilih 400 orang lagi yang benar-benar layak, pada hal rumah ada 70, sama ada macam mana bijak Jawatankuasa maka dia tidak boleh lebih daripada 70 orang, 70 buah rumah. Jadi bermakna 300 orang lagi masih dahagakan rumah, masih memerlukan rumah, orang ini layak.

Sebab itu, kami Wakil Rakyat di kawasan luar bandar yang menjadi Jawatankuasa ini semakin tahun semakin tidak popular, fasal? 70 orang ini sokong, nampak kita dari jauh angkat tangan, yang 300 marah. 70 lawan 300, kita kalah, tetapi tidak mengapa (*Ketawa*) kerana kita dapat memberi jaminan bahawa perjuangan kita tidak setakat 70, malah kita akan bawa lagi rumah-rumah itu ke Lenggong. Inilah yang saya bawa (*Ketawa*).

Di satu kawasan yang paling sesuai dan cukup strategik, kawasan itu ialah di Kota Lima Estet, iaitu berhampiran dengan satu penempatan Kampung Baru Orang-orang Cina zaman General Templer dahulu. Saya rasa tempat-tempat yang macam ini patut diberi keutamaan kalau ada dalam negara kita ini kerana dengan mengadakan perumahan awam di pinggir atau berhampiran dengan kawasan kampung-kampung baru ini kita akan dapat mewujudkan semangat kerjasama, semangat muhibbah di kalangan rakyat berbagai kaum, sementara pula Kampung Baru Kota Lima Estet itu adalah wujud sejak

berpuluh-puluh tahun dahulu, maka sudah tentulah walaupun ada Rumah Murah Pertama di Kota tempat itu, tetapi tidak memadai memandangkan bilangan yang memohon itu terlalu ramai.

Dengan adanya penempatan orang-orang Melayu berhampiran dengan kawasan Cina di situ dan orang Cina pun boleh dimasukkan, orang India di estet pun dimasukkan di situ, macam mana yang kita buat sekarang ini, kita ada kuota untuk kaum-kaum ini, kita akan dapat menanamkan semangat muhibbah dan semangat kerjasama menerusi konsep hidup berjiran. Jadi kalau ada semangat bantu-membantu, tolong menolong maka dengan sendirinya akan memberi satu sumbangan yang besar ke arah usaha Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat di dalam negara kita ini.

Inilah yang saya katakan sekali mengorak pura, dua tiga hutang langsung. Sebab selain daripada kita dapat memberi rumah, kita dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat dan juga mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni di kalangan masyarakat rakyat yang berbilang kaum. Jadi, kalau target ataupun pegawai-pegawai perancangan kita dapat berbuat demikian saya rasa banyak sumbangan ke arah mewujudkan masyarakat yang harmoni, ke arah menyatupadukan rakyat di dalam negara kita ini di samping membantu keperluan rumah yang begitu mendesak kepada masyarakat yang kurang berada di luar-luar bandar.

Tuan Pengerusi, selain daripada di Lenggong ini, di Kota Lima Estate ada satu kawasan saya kerana kawasan saya ini dua daerah iaitu di Sauk sambungan pada rancangan rumah murah yang lama di Sauk, Daerah Kuala Kangsar, kedua-dua kawasan ini sangat penting dan mustahak kalau

dibandingkan dengan lain-lain kawasan yang ada walaupun ada lagi kawasan-kawasan saya yang meminta rumah murah ini tetapi saya fikir daripada 4, 5 itu 2 ini yang penting. Jadi, kalau maknanya saya minta semua tentulah Menteri menjawab keadaan meleset tetapi dua ini penting. Ini tak masuk dalam meleset. Yang tiga boleh tolak, dua ini patutlah diberi keutamaan.

Saya dengar-dengar khabar memang hendak dibuat pada tahun depan. Dengar khabar angin. Saya harap khabar angin itu akan dapat diterjemahkan menjadi kenyataan oleh Menteri manakala menjawab di Parlimen ini dan itulah juga harapan rakyat di kawasan saya.

Selain daripada itu saya juga menyokong pendapat rakan saya dari Jerantut bahawa amalan-amalan yang lepas ataupun kesilapan-kesilapan yang lalu tak usahlah dibuat lagi. Kita perlu belajar dari kelemahan kita sendiri. Begitulah amalan bangsa-bangsa yang maju di dunia ini. Pihak Kementerian tak usahlah cuba hendak mengelak kerana pada masa lepas—bukan sekarang ini, banyak kawasan rumah awam ini tidak langsung memikirkan soal-soal kepentingan-kepentingan yang lain selain daripada tempat duduk. Misalnya tak ada tapak surau apatah lagi padang permainan, tak ada. Jadi, bila siap timbulah masalah sosial, keperluan asas hendak surau, hendak padang permainan, kalau ada tanah kita tak ada duit, kalau tak ada tanah lagi susah, ada duit pun tak boleh buat, tetapi walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana di kawasan saya mana-mana yang tak ada surau itu kita mintaminta, rayu-rayu, dapatlah juga dibuat surau untuk keperluan umat Islam yang ada di situ.

Apa yang saya harap dan memang sudah ada barangkali, ada baguslah pada masa-masa akan datang dalam

membuat perancangan rumah-rumah ini patutlah difikirkan di mana suraunya, di mana padang permainannya, di mana kedai runcitnya kita fikir supaya perkara-perkara yang seperti ini tidak menyusahkan. Saya katakan kedai runcit kerana kadang-kadang kawasan rumah murah itu jauh daripada bandar. Dia duduk di sana, hendak berulang pergi beli barang, cabai, ke pekan itu jauh. Ini menyusahkan juga kepada rakyat. Tujuannya hendak menolong orang miskin. Sewa rumah lagi, tambang hendak pergi lagi, kalau yang ada motor pun hendak beli minyak lagi. Jadi, kita buat kedai runcit, ajar orang-orang ini cara-cara berniaga kecil-kecilan. Terutama orang Cina. Orang Cina ini ada semangat berniaga. Kalau tak ada kedai, rumah dibuat kedai, lepas itu dia tambah sana, tambah sini, kita pun bising dengan dia. Saya pun bila tengok itu pejam mata. Dia kata ini saya hendak tolong orang ramai di sinilah. Saya fikir berniaga, tolong dia sama. Ini orang tak payah pergi jauh. Saya pun diamlah. Betul juga. Ada betulnya. Apa salahnya kita adakan kawasan, siapa yang hendak ambil bahagian di sini kita mintalah agensi-agensi yang lain membantu seperti MARA dan lain-lain membantu bumiputera di situ menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

Dengan cara yang seperti ini sekurang-kurangnya 5-10 tahun itu taklah dia bising. Ini lepa: siap rumah, duduk seminggu, minggu depan pula dia datang. Yang Berhormat, di mana hendak buat madrasah? Baru duduk, kita baru letih menapis, memberi rumah, dia minta masalah lain pula. Hari itu baru kita kena maki oleh orang yang tidak dapat, dia datang buat masalah. Orang yang dapat ini berkehendakkan madrasah pula, berkehendakkan padang permainan pula, bermacam-macam.

Jadi, tolonglah supaya perancangan kita ini bukanlah terlampau panjang sangat tetapi biarlah jangka sederhana, jangan buat perancangan jangka pendek setakat ibu kaki sahaja. Biarlah jangka sederhana sekurang-kurangnya kalau tak mahu jangka panjang supaya masalah-masalah sosial ini tidaklah jadi ribut, jadi isu kepada setengah-setengah kalangan kerana bila tak ada surat ini kadang-kadang digunakan pula isu politik terutama orang PAS. Bila minta surau, pergi minta Yang Berhormat. Dia kata, tak boleh. Itulah, dia bukan utama sangat, cakap sahaja. Agama rasmi dalam Perlembagaan bukannya hendak buat, tengok, mana ada? Cakap auta sahaja. Dia gunakan isu-isu politik seperti ini. Jadi orang kampung politik setakat darjah rendah ini dia dengar betul juga. Jadi kita hendak cuba bereskan sekali ini. Kita dapat sapu segala isu-isu yang boleh merugikan perjuangan politik kita di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya berharap di kalangan pegawai-pegawai kita supaya dapat ditingkatkan kecekapan dan produktivitinya iaitu apabila kita melaksanakan sesuatu projek sudah tentulah walau macammana baik sekalipun, elok pun, ada yang tak baiknya. Saya berharap perkara-perkara yang menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan projek perumahan itu patutlah dijadikan satu panduan bagi pelaksanaan di masa hadapan.

Kesalahan-kesalahan di masa lalu itu hendaklah diambil perhatian supaya dapat dijadikan satu garis panduan atau jadi pedoman supaya keadaan itu tidak akan berulang lagi kerana perkara-perkara seperti ini selalu berbangkit dalam Parlimen, soal-soal yang sama timbul, penggal ini yang itu juga, jadi Menteri kata penggal dahulu sudah jawab, maknanya perkara itu belum selesai. Ini bukan fasa! hendak dengar jawab. Soalnya kita mahu kepada sasaran, selesai. Kita balik

bawa jawapan bukan boleh cakap kepada rakyat: "Aku sudah terima jawapan." "Apa jawapannya?" "Ha, ini, ini." "Itu bukan kami mahu!". Dia bukan hendak jawapan. Maksud saya tadi kalau Menteri jawab tak buat benda itu, memang kita kata insya-Allah akan datang. Kita tak jawablah kerana itu bukannya dia hendak dengar.

Oleh sebab itu, kita ingatkan di sini biarlah penyakit Menteri itu kami rela tanggung dalam jiwa kami ini, kami pikul bawa ke mana-mana, kami tak buka, tak jatuhkan Menteri, kerana di luar kita tak kondem Menteri, kita jack Menteri bagus. Dalam Parlimen kita cakap ini, di luar dengan rakyat kita tak kondem Menteri. Kalau kita kondem Menteri siapa hendak angkat Menteri kita? DAP tak kiralah, dia boleh hentam di dalam dan di luar. Kalau kita tidak, orang Barisan Nasional itu lebihnya. Di dalam Dewan ini berapi-api, di luar bukan main baik dengan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah butiran berapa Yang Berhormat bercakap itu? (*Ketawa*).

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Itulah, fasal B. 16 dan P. 16, saya sekalikan dua-dua, sekali.

Tuan Pengerusi, bila ada banyak sekatan jalan, kadang-kadang tersekat. Jadi, saya haraplah supaya perkara-perkara yang seperti itu dianalisa dan diatasi dalam masa pelaksanaan di masa-masa akan datang.

Selain daripada itu memang tidak dapat dinafikan manusia ini apabila kita beri rumah, masa perancangan dahulu hendak kena bayar balik \$30. Itupun dia tak bayar. Pada hal setengahnya gajinya \$500-\$600, sudah naik, mula-mula \$400, naik \$500, naik \$1,000 tetapi \$30 tak bayar.

Jadi sampai saat-saat seperti ini manusia ini tidak boleh berlembut sepanjang masa, jangan cakap sahaja tindakan mesti diambil. Insya Allah, kami wakil rakyat di luar bandar akan berdiri teguh di belakang Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Mesti ambil tindakan kerana ini adalah merupakan suatu wabak, satu penyakit yang boleh jadi wabak kepada masyarakat rumah awam kos rendah. Sebab kalau seorang tidak bayar, tindakan tidak diambil tengok dia. Orang ini pun serupa juga dia buat tidak tahu juga. Dan orang ini pun tidak mahu juga bayar, orang ini tidak mahu akhir-akhir keluar statement suratkhbar oleh Menteri sekian juta tunggakan hutang.

Inilah yang menjadi penghalang orang-orang kita tidak ada untuk kita bantu kepada orang lain. Jadi perlulah tindakan-tindakan yang tegas saya cakap dengan kawan-kawan saya, saya kata saya beri rumah ini, "Okay, tetapi mesti bayar, tidak bayar saya tidak tolak ansur, kalau ambil tindakan bukan hendak tolong saya akan tekan lagi" saya cakap terus terang. Dia kata hendak bayar OK, bagus, inilah cakap dia pada mulanya hendak terima itu, masa itu jadi apa pun dia sanggup, jadi lain kali senanglah. Saya boleh timbang ini, boleh beri kerana selepas sahaja beri biasanya kita panggil semua peserta yang dapat itu kita panggil satu Dewan, kita beri teh minum, lepas itu kita cakap. Lain kali dia datang dia teringat itu, mesti bayar. Dia minta tolong fasal hutang dia tidak rapat Wakil Rakyat. Jadi saya harap tidak usahlah bimbang takut dalam mengambil tindakan tetapi kalau boleh itu biarlah cara yang sederhana, beri amaran dahulu dan sebagainya, jangan terus-terus, tap potong. Ini pun tidak baik juga. Gunakanlah segala budi bicara yang ada, beri amaran, amaran demi amaran, habis amaran, potong.

Jadi dengan cara macam itu hai jangan tidak bayar, jangan itu sudah kena, ini sudah kena, jadi dengan cara

macam itu kita akan dapat, bukan sahaja dapat mengelakkan daripada pertambahan golongan-golongan manusia yang tidak bertanggungjawab, tidak bertimbang rasa, tidak mahu berterima kasih, atas bantuan-bantuan dan ingatan Kerajaan kepada mereka itu. Tetapi akan dapat menambahkan sumber pendapatan kita supaya pegawai-pegawai perancangan kita tidak pening kepala, dia merancang, buat rumah dapat balik sekian banyak itu atas kertas, tiba-tiba tidak mari yang dia rancang, tidak bayar, dia tidak mari. Macam mana hendak berjalan, pening kepala pegawai perancangan kita. Dia ingat bayar, oh, dapat balik tahun ini sekian juta, tahun ini sekian juta sekali dia tidak mari yang dapat balik tidak pening kepala, tidak boleh jalan.

Lepas itu kita marah pegawai perancang tidak pandai, tidak bijak terutama parti pembangkang. Pada halnya kawan itu ada masalah. Fasal benda yang diharap yang dinanti tidak sampai, tidak juga tiba hanya hendak salahkan siapa, hajat hati hendak peluk gunung apakan daya katanya tangan tidak sampai, habis cerita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berharap juga supaya kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian ini serta dengan pemborong-pemborong ini perlulah dipertingkatkan. Maksud saya dari semasa ke semasa apa sahajanya pihak Menteri mengadakan jamuan umpamanya pergi ke Negeri Perak panggil pemborong-pemborong di Perak itu, kalau tidak mahu panggil Wakil Rakyat semua pun panggil pegawai-pegawai Kerajaan tempatan, menerangkan dasar-dasar Kerajaan di samping kita mendapat maklum-balas daripada pihak Kerajaan dan juga daripada pihak kontraktor-kontraktor ini. Saya rasa atas sikap persefahaman yang seperti inilah akan dapat membantu Kementerian di dalam menjalankan pelaksanaan projek

perumahan dengan licin dengan teratur serta berjaya. Mana-mana sahaja Jabatan yang ada kaitan dengan perumahan awam umpamanya LLN, JKRRkah apa salahnya panggil. Belanja teh, panggil makan sambil seronok-seronok kita terang kita punya dasar. Ini, ini kita mahu selepas itu kita tanya sama dia apa masalah-masalah dia.

Jadi Pegawai Perancang kena buat projek, kena buat peruntukan tiap-tiap negeri. Berapa-berapa peruntukan buat tiap-tiap negeri. Jadi dengan adanya semangat, persefahaman ini sahajalah yang akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi pentadbiran kecekapan kemampuan dan kebolehan Kementerian ini di dalam menjalankan amanah-amanah rakyat, amanah negara bagi mengendalikan keperluan perumahan rakyat di negara kita ini.

Kita tidak boleh hanya setakat menjawab, ini di luar bidang tugas kita, salahnya ini bukan salah siapa, salah pemborong. Kita tidak mahu seperti itu. Serupa juga umpamanya yang bangkit, saya bangkit masalah tanah, ada pihak Kerajaan menjawab, itu bukan ada penyelewengan, itu salah pemborong. Tetapi kita tidak gunakan budi bicara, pihak Kementerian tidak menggunakan budi bicara bagaimana supaya kita dapat mencari pemborong yang tidak suka melakukan satu yang boleh menjatuhkan imej, prestasi atau Kementerian itu sendiri.

Jadi kaedah-kaedah yang seperti ini perlu dibuat. Dengan cara yang seperti ini sahajalah bukan sahaja kita dihormati oleh rakyat, tetapi akan disanjung oleh rakyat dan juga akan dihormati oleh pihak pemborong-pemborong itu sendiri. Dan jika ada pemborong-pemborong ini yang degil, yang melanggar segala aturan-aturan yang dipersyaratkan, tindakan yang berkesan perlu diambil, supaya menjadi satu pengajaran. Kerana kita

tidak boleh berlembut sepanjang masa dan kita tidak boleh berkeras sepanjang masa.

Jadi dasar liberal yang ada dalam Kerajaan kita boleh dijadikan panduan di dalam melaksanakan tugas kita di dalam Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya suka menyentuh berkenaan dengan Maksud B. 17, mukasurat 142, Butiran 1100, Program (3), Perancangan Luar Bandar.

Dalam perancangan luar bandar, saya suka menarik perhatian kepada pihak perancang kawasan-kawasan di luar bandar, supaya mengambil perhatian keadaan bandar-bandar kecil yang katakan bandar pekan kecil bertaburan di kampung-kampung Melayu terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Tujuan saya dengan wujudnya bandar sejak sebelum perang dahulu, bermakna mereka mempunyai minat dalam bidang perniagaan ini, walaupun secara kecil-kecil, jadi masyarakat yang sudah mempunyai minat seperti ini patutlah diberi bimbingan, diberi bimbingan yang wajar supaya tahap perniagaan mereka itu dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Tetapi kalau kita berjalan di kampung-kampung di jalanraya di kampung kita tengok keadaannya masih lagi seperti sediakala, kedai-kedainya buruk dan setengah kedai sudah tutup, hanya tempat di diami oleh penghuni-penghuni penoreh getah dan sebagainya.

Jadi sayangnya minat yang sepatutnya digembelangkan, dibimbing supaya terus subur, kita tidak mengambil kesempatan untuk membajai semangat yang sudah ada itu, sebaliknya kita menyeru orang-orang lain, panggil pula mereka pergi kursus untuk menjadi peniaga kecil dan sebagainya, tetapi apa yang sudah

ada, yang sudah wujud, kita tidak memberi perhatian yang serius. Jadi saya berharap, kalau perlu, apalah salahnya, pihak perancangan atau pihak Kerajaan Tempatan memanggil, mengadakan pertemuan, mengadakan soal selidik, kaji selidik, kerana orang-orang ini kebanyakannya tak tahu apa-apa mereka duduk berniaga macam cara lama juga. Mereka tak tahu cara macam mana hendak membesarkan dan memajukan perniagaan mereka, hanya setakat kedai-kedai kecil.

Di kawasan saya, katalah di Kuak dan di Raban dan di kawasan Parlimen Grik ialah di Sumpitan umpamanya. Ini pekan-pekan lama sejak zaman dahulu macam macam itu juga, khususnya Banggul Batu. Dan setengahnya sudah runtuh kedai-kedai di situ—sudah runtuh. Jadi patutlah diatasi. Kawasanya sudah ada, minat orang pun sudah ada. Apa yang perlu ialah pengetahuan, teknik dan kaedah perniagaan secara moden, bagaimana kita dapat resapkan pengetahuan-pengetahuan yang berguna itu kepada mereka itu supaya mereka dapat mempertingkatkan perniagaan mereka dari semasa ke semasa. Kalau umpamanya. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, saya fikir ini adalah tanggungjawab Kementerian yang lain iaitu untuk memberikan kursus. Kalau menyediakan tapak kedai itu ada kemungkinan, tetapi untuk memberikan kursus itu lain.

**Datuk Haji Saidin bin Mat Piah:** Maksud saya supaya pegawai-pegawai kita dapat menggunakan budi bicaranya. Umpamanya kalau dia tak boleh adakan kedai-kedai, barangkali dia boleh menghubungi mana-mana agensi Kerajaan supaya dapat orang-orang itu dibimbing dan kerjasama dapat diatur. Itu maksud saya mengenai kerjasama dapat diatur. Dia

sudah jumpa orang-orang kampung, macam kita tak mengerti hendak merawat orang sakit, ketika kita berjalan di tepi sungai, jumpa orang sakit, itu kewajipan kita. Untuk mengatakan itu bukan kerja aku atau kita tinggalkan sahaja, tak boleh. Kerja kita cari Dessor atau cara Doktor, katakan saya sudah jumpa orang sakit ini, tolonglah rawat, Tuan. Itu maksud saya. Jadi dengan adanya kerjasama oleh pihak penyelaras Jabatan Perdana Menteri ini hendaklah bijak dan pandai menyelaras macam mana kegiatan Kementerian dapat dicantumkan. Jangan ada bertindih-tindih. Itu maksud saya. Tempoh hari saya tak dapat menyentuh panjang berkenaan dengan penyelarasan, tetapi inilah maksud saya supaya ada jangan bertindih-tindih.

Jadi dengan adanya bimbingan-bimbingan seperti itu, saya percaya keadaan peniaga-peniaga atau masyarakat dalam sektor perniagaan di luar bandar itu akan dapat diubah dan mereka akan dapat menikmati cara-cara menjalankan perusahaan dan perniagaan mereka secara lebih sistematik dan lebih berjaya, tidaklah seperti keadaan yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja ucapan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya di atas peruntukan yang dicadangkan di bawah Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.55 ptg.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk bercakap sepatih dua dalam Dewan yang mulia ini.

Saya suka bercakap mengenai mukasurat 135, Maksud Pembangunan 16, Butiran 1100, Program 12 Rancangan-rancangan Perumahan Kampung-kampung Baru.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membanyakkan lagi dibuka Kampung-kampung Baru kerana memandangkan rakyat hari ini sudah berkesesakan tempat. Kalau kita tengok di bandar-bandar di waktu-waktu hari cuti, didapati rakyat boleh dikatakan bersesak-sesak disebabkan kadang-kadang keperluan-keperluan rakyat daripada kampung-kampung datang ke bandar.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, kalau maksud butiran yang Ahli Yang Berhormat cakapkan itu iaitu rancangan-rancangan perumahan Kampung-kampung Baru (New Villages) Housing Scheme dan bukan hendak mengadakan kampung-kampung baru. Ini perumahan di kampung-kampung baru. . . .

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Pengerusi, perumahan di Kampung-kampung Baru. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membanyak untuk mendirikan perumahan di Kampung-kampung Baru.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, saya suka bertanya, adakah di kawasan Ahli Yang Berhormat ada Kampung-kampung Baru. Kampung-kampung Baru maksudnya kampung-kampung yang telah diwujudkan semasa darurat dahulu di mana kebanyakan yang tinggal di Kampung Baru itu adalah orang-orang Tionghua. Itu maksudnya.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Pengerusi, ya di kawasan saya ada.

Di Kampung-kampung Baru itu didapati kesesakan tempat dan boleh dikatakan penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru itu kebanyakannya tak cukup tempat disebabkan kampung itu sendiri kadang-kadang sesudah dipindahkan daripada tempat perpindahan adalah terlampau kecil, tidak mencukupi. Oleh yang demikian terpaksa mereka itu berhijrah daripada Kampung Baru yang diduduki itu, mereka meresap ke bandar-bandar, tidak balik ke kampung-kampungnya menyebabkan Kampung-kampung Baru yang ditinggalkan itu mereka tinggalkan begitu sahaja.

Maka ini rasa saya eloklah bagi pihak Kerajaan mengadakan suatu projek yang boleh mereka itu mencari kerja ataupun sebagai tempat tumpuan mereka mencari makan seperti mendirikan kilang-kilang misalnya, ataupun apa sahaja keperluan-keperluan yang patut diadakan bagi mereka seperti Post Office, Police Station dan sebagainya untuk memberikan penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru itu kalau hendak report beranak misalnya tidak lagi terpaksa kena turun ke bandar-bandar ataupun pergi ke Police Station yang jauh daripada kampung mereka ataupun kalau mereka hendak pos surat. Pada hal perkara pos surat, perkara report beranak dan sebagainya itu adalah satu perkara yang kecil yang tidak memayahkan mereka mengeluarkan belanja yang banyak, tetapi oleh kerana di kawasan atau di kampungnya itu tidak ada Post Office dan tidak ada Police Station, maka terpaksa mereka tinggalkan kerja yang patut mereka itu kerjakan, tinggal kerja satu hari, kerana hendak pergi report beranak atau tinggalkan kerja satu hari kerana hendak pos surat atau tinggalkan kerja satu hari kerana mencari baju anak dan sebagainya. Oleh itu elok sangatlah kalau sekiranya Kerajaan, tempat-tempat kampung

baru ini biarlah segala apa keperluan yang sepatut diadakan.

Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh dalam Maksud P. 16, muka 139, Butiran 81 Perbandaran. Majlis Perbandaran didapati dalam mengenai mengendalikan bandaran-bandaran ini, kalau saya sebutkan mengenai kedudukan pasar dalam bandar-bandar.

Selalunya kita dapati apabila dibina atau diadakan sebuah pasar di bandar-bandar selalunya dibina dekat dengan jalan raya. Apabila sahaja pasar itu sudah maju, sudahlah berkesesakan sampai tidak ada tempat yang boleh letak kereta, basikal dan sebagainya.

Sepatutnya pasar-pasar itu biarlah jauh sedikit daripada jalan raya dan mestilah ada lapang untuk boleh letak kereta, basikal, motorsikal dan sebagainya. Kemudian sekiranya pasar-pasar itu berhampiran dekat sangat dengan jalan raya membawakan kesibukan-kesibukan itu boleh menjadi accident, berlanggar yang sering berlaku terutama sekali apabila petang-petang hari mereka membeli-belah, mereka mencari sesuatu apa yang dia mahu, kemudian dapat dengan kesukaannya, gembiranya bawa, hingga dia tidak sedar kereta lalu maka selalu didapati berlaku kemalangan-kemalangan. Oleh itu saya mengesyorkan supaya pasar-pasar itu sepatutnya biarlah jauh sedikit daripada jalan raya.

Yang kedua, selalu kita tengok apabila dibina satu pasar ialah biasanya tidak dibuat dengan secara jangka panjang. Hanya dibina ataupun dibuat sekadar secukup peniaga-peniaga yang ada pada ketika ataupun tahun itu. Apabila sudah pasar itu berjalan selama lima tahun, sudahlah berkesesakan, sudahlah melimpah, orang-orang jual, berniaga kecil-kecil sudah melimpah daripada pasar-pasar ke luar-luar dan dengan keadaan

begitu pula datanglah bagi pihak Bandaran pula marah, halau, keji, ambil barang-barang orang, kadang-kadang lempar, campak dan sebagainya. Ini perbuatan yang sangat dimurkai dan marah oleh rakyat. Bukan sahaja rakyat marah, agama pun marah. Islam pun marah, tegah sekiranya aniayai barang-barang orang kita ambil, kita lempar dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan seumpama ini adalah dilarang dalam Islam dan tidak disukai oleh rakyat-rakyat. Maka imej itu kepada Kerajaanlah. Maka dengan itu, rasa saya, pada hemat saya eloklah pihak Kerajaan apabila membina sesuatu pasar hendaklah jangka panjang iaitu jangka lima tahun dan sebagainya.

Sebagaimana kita tengok, syabasnya orang dahulu-dahulu membina Dewan ini. Sejak 25 tahun kita mencapai kemerdekaan masih boleh digunakan lagi Dewan ini dan pada adatnya boleh digunakan hingga sampai bila-bila kerana besarnya, luasnya dan sebagainya. Ini namanya mereka memikirkan jangka panjang.

Kemudian di pasar-pasarnya itu pula yang selalu berlaku, di tepi-tepi pasar tidak ada tempat parking kereta. Pembawa-pembawa barang daripada kampung mana bawa barang-barang hendak masuk ke pasar maka mereka berhentilah lori-lorinya di tepi pasar untuk hendak memunggah barang, datang polis saman kerana di situ tidak boleh parking. Jadi keliling-kelalangnya itu tidak ada tempat parking, khasnya pasar di Kuala Terengganu sendiri. Saya sebut ini dalam Butiran 81 Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

Di Kuala Terengganu sendiri, di hadapan pasar tidak ada langsung tempat parking kereta. Jadi orang-orang kampung mereka bawa barang-barang hendak jual dengan lori atau van dan sebagainya, mereka pun berhenti kereta di situ, polis datang

saman. Kemudian barang dipunggah itu pula pihak Bandaran tidak benarkan punggah barang-barangnya di situ. Apabila barang-barang daripada lori diturunkan, pihak Bandaran marah.

Setengah-setengahnya adakala ambil barangnya itu dimuatkan dalam lori, bawa pergi ke Police Station dan sebagainya. Bandaran marah, fasal punggah barang di situ. Polis saman, fasal berhenti kereta dekat situ. Jadi di manalah tempatnya orang-orang kampung ini hendak punggah, di mana? Ini tidak lain tidak bukan ialah kerana disebabkan kawasan itu sempit, tidak ada kawasan-kawasan yang boleh diletakkan kereta. Maka untuk kemudahan-kemudahan ini, saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan sebelum membina ataupun membuat sesebuah pasar maka terlebih dahulu telitikan tempat itu terlebih dahulu. Dan apabila diadakan pasar-pasar itu biarlah dibuat secara jangka panjang supaya tidaklah menyusahkan kepada pihak Kerajaan sendiri di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Di masa-masa yang akan datang.

Suka saya menyebutkan binaan perumahan di dalam bandar-bandar ini, iaitu mengenai binaan-binaan hotel. Yang saya hendak sebutkan ini ialah saya rasa patut jugalah bagi pihak Kementerian mengambil perhatian binaan-binaan hotel di bandar-bandar khasnya di bandar Kuala Lumpur didapati bilik air tidak ada tempat hendak cuci buang air besar; maaf saya cakap, jadi semua pakai kertas kerana tidak ada tempat. Saya rasa elok juga bagi kemudahan tiap-tiap kali binaan hotel mestilah disediakan tempat cuci buang air besar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu tidak termasuk dalam butiran ini. Dalam butiran ini dia minta Rancangan Saluran Najis Kuala Terengganu, dia tidak termasuk yang dicakapkan itu.

Yang Berhormat boleh bercakap dalam perkara yang lain nanti. Tajuk ini hanya Saluran Najis Kuala Terengganu—itu sahaja. Kalau ada lagi hendak bercakap hal itu boleh.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Pengerusi, biarlah saya katakan di Kuala Terengganu tak usahlah hotel Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi yang mengenai saluran najis yang diminta di sini, bukan perkara lain.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Jadi saya boleh bercakap dalam perkara di Kuala Terengganu?

**Tuan Pengerusi:** Yang mana mengenai saluran najis.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Yang mengenai saluran najis di Kuala Terengganu.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Mengenai perkara sambungan saluran najis di hotel-hotel. Didapati apabila hotel besar misalnya di Kuala Terengganu hotel besar seperti Pantai Motel, Hotel Desa dan barangkali hotel yang baharu dibina sekarang, tidak ada tempat disediakan untuk hendak cuci buang air besar; minta maaf. Jadi, apabila sahaja orang-orang kampung turun ke bandar menginap di hotel serba salah kerana dia tidak biasa pakai kertas ini, tidak mengerti dan dia pun rasa hendak sembahyang dia rasa tidak sah sembahyang dia kalau tidak cebok atau tidak cuci.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, saluran najis ini dia berlainan dengan tandas. Apa Yang Berhormat bangkitkan itu masalah tandas. Ini saluran najis yang ditanam.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ya, Tuan Pengerusi. Saya fikir saluran tandas ini dia pergi ke saluran najis.

**Tuan Pengerusi:** Betul.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Dia salur ke situ juga ikatannya.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi ini perbelanjaan yang mengenai saluran najis sahaja.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Jadi, disebabkan saya fikir dia ikat saluran itu pergi ke saluran sebab itu saya bercakap dalam bahagian ini. Maka oleh itu tidak mengapalah, perkara ini mengenai apa yang saya sebutkan tadi semoga dapat pandangan bagi pihak Kementerian ini.

Saluran najis ada kalanya saluran najis ini tidak padan dengan rumah. Rumah atau building itu besar, tinggi, banyak penduduk, saluran najis itu kecil sangat dan pernah sampai jadi; maaf-maaf cakap meletup. Jadi, apabila meletup tadi susahnyanya orang ramai. Hendak boleh dapat diperbaiki pula memakan masa. Sungguhpun perkara ini kita nampak kecil tetapi sebenarnya perkara ini besar. Apabila dia meletup bukan seorang dua yang susah, semua orang susah. Oleh yang demikian, sebaik-baiknya saluran-salurannya itu biarlah berpadan dengan rumah ataupun bangunan yang dibina itu supaya tidak jadi pekerjaan-pekerjaan yang boleh memakan masa dan mengambil beberapa waktu yang akan datang.

Maka saya rasa setakat inilah sahaja syor-syor saya ataupun cadangan-cadangan saya dalam perbincangan ini dan saya turut menyokong Bekalan Maksud Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.15 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya bangun turut bersama mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan di samping itu ingin menyampaikan beberapa syor dan

pandangan saya terhadap dua perkara yang saya ingin menyentuh. Yang pertama, saya suka menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada muka surat 127, Maksud B. 16, Butiran 1100—Gaji dan Upahan berkaitan dengan Program (1) iaitu Perkhidmatan Bantuan, (a) Pentadbiran dan Kewangan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara pentadbiran izinkan saya merujuk kepada aspek atau bidang yang menyentuh ataupun ada berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang yang di dalam bidangkuasa Kementerian yang berkenaan yang saya rasa perlu supaya diperkemaskinikan kerana ianya memberi kesan yang berfaedah kepada rakyat. Inilah masanya bagi Kementerian yang berkenaan menyemak semula semua undang-undang yang dikuatkuasakan pada suatu masa dahulu yang mempunyai kaitan dengan Kementerian dengan tujuan untuk mengemaskinikan bagi memenuhi segala keperluan atau permintaan pada hari ini. Undang-undang yang digubal sebelum ini dan tidak lagi berkaitan dengan keperluan hari ini hendaklah disemak semula dan diperkemas supaya wujudnya pelaksanaan keadilan demi kepentingan orang ramai.

Satu undang-undang yang saya ingin maksudkan di sini yang saya nampak sudah tidak sesuai dengan keadaan pada masa sekarang ialah Akta Kawalan Sewa 1966 yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian ini. Undang-undang atau Akta ini digubal dan berkuatkuasa pemakaiannya pada tahun 1966 dan skopnya meliputi bangunan-bangunan yang dibina sebelum Januari 1948 dalam semua perkara yang ada berkaitan dengan kawalan sewa, pengusiran dan pampasan. Akan tetapi berkenaan dengan pelaksanaan Akta Kawalan Sewa 1966 ini saya rasa bahawa perlaksanaannya pada masa sekarang

tidak lagi sesuai dengan keperluan masa kini dan masanya telah sampai bagi Kerajaan menyemak semula Akta tersebut dan membuat pindaan-pindaan yang perlu dan saya merujuk perkara ini dari segi pentadbiran yang dilaksanakan oleh Kementerian yang berkaitan.

Perkara ini bukan sahaja disuarakan oleh saya dan rakan-rakan saya untuk menarik perhatian Kerajaan malah ramai pertubuhan iktisas dan orang ramai pun ada membangkitkan perkara ini beberapa kali dan saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa terdapat apa-apa kelewatan di pihak Kerajaan untuk menyemak semula dan pinda Akta ini supaya ianya jadi kemas. Kali terakhir kita mendengar perkara ini ialah lebih kurang pada setahun yang lalu yang mana Kementerian berkenaan ada menyatakan bahawa perkara ini ada dalam kajian dan satu laporan telah dibuat untuk disampaikan kepada Kabinet untuk kelulusannya. Akan tetapi selepas tempoh itu tiada siapa pun yang tahu apa yang sudah jadi tentang hal ini.

Soalan yang saya ingin kemukakan di sini ialah mengapakah perkara ini mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan oleh Kabinet. Tentulah masa sudah cukup telah diberikan untuk mengkaji perkara ini yang telah dibangkitkan pada tiga ke empat tahun yang lalu. Saya harap bahawa dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan beliau dapat memberi penjelasan tentang hal ini supaya kita dapat memahami kedudukan yang sebenarnya tentang Akta ini.

Saya rasa bahawa satu fasal dari Akta Kawalan Sewa yang perlu dipinda ialah berhubung dengan peruntukan mengenai pemberian pampasan. Di bawah Akta ini sejumlah bayaran pampasan yang menyerupa bayaran 4

tahun sewa dibayar untuk bangunan-bangunan perniagaan (commercial) dan bayaran 2 tahun sewa itu dibayar untuk bangunan-bangunan kediaman (residential) jika sesuatu membangun menghadapi masalah pengusiran dan amaun pampasan yang disebutkan tadi nampaknya tidak realistik, saya ingin menitikberatkan di sini bahawa jumlah pampasan yang dibayar sekarang adalah tidak realistik dan tidak mencukupi bagi keperluan di masa ini memandangkan kos sara hidup yang tinggi sekarang. Jika amaun pampasan yang disebutkan tadi terus juga dibayar ianya merupakan satu pemberian yang amat kecil bagi penyewa-penyewa (tenants) yang terlibat dan meletakkan diri mereka di dalam keadaan kesukaran untuk berpindah supaya kerja pembangunan boleh dijalankan. Masalah ini dirasakan sangat serius di bandar Kuala Lumpur yang mana pampasan yang dibayar menurut Akta Kawalan Sewaan sekarang adalah amat tidak cukup bagi memenuhi keperluan mereka yang terlibat oleh kerana kos sara hidup yang tinggi dalam bandaraya. Maka adalah menjadi pandangan saya bahawa bayaran pampasan itu hendaklah dibayar 3 kali ganda dari kadar sekarang, jika sesuatu pampasan itu menjadi bermakna kepada penyewa-penyewa yang terlibat.

Oleh kerana terdapat banyak ketidakadilan wujud akibat dari pelaksanaan undang-undang ini yang sudah ketinggalan masa itu, maka saya ingin mencadangkan supaya Kementerian tidak lagi melambatkan ataupun melewati perkara ini dan terus mengambil langkah untuk membuat satu kajian ataupun mengadakan satu review terhadap Akta Kawalan Sewa itu. Pada pandangan saya satu semakan semula hendaklah mengambil kira masalah-masalah berikut dan mencari jalan yang wajar untuk mengatasinya. Yang pertama masalah tentang kenaikan sewa yang tidak munasabah dan tidak

terkawal untuk rumah-rumah kediaman terutama berkaitan dengan bangunan-bangunan yang dibina selepas Januari 1948 yang mana menjadi satu masalah utama dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah dan menengah dalam bandaraya. Sering kali berlaku penyewa-penyewa atau tenants yang diserahkan kepada belas kasihan tuanpunya-tuanpunya bangunan atau, dengan izin, left to the complete mercy of the landlords yang melalui peguam-peguam mereka menaikkan sewa lebih daripada 100% dan memandangkan bahawa undang-undang sekarang tidak meliputi bangunan-bangunan yang dibina selepas Januari 1948 dan oleh hal yang demikian penyewa-penyewa yang terlibat tidak diberi apa juga bentuk perlindungan. Masalah ini kerap berlaku dengan serius dalam bandar-bandar besar seperti bandar Kuala Lumpur dan mereka yang tidak sanggup membayar kos atau sewa baru dikehendaki, dipaksa berpindah dari bangunan-bangunan yang diduduki.

Masalah yang kedua saya harap bahawa apabila Kementerian yang berkenaan dapat menjalankan satu kajian ataupun perbincangan atas perkara ini ialah dengan mengambil kira satu perkara berkenaan dengan penentuan sewa yang adil, dengan izin, determination of a fair rent, untuk semua bangunan terkawal, ataupun controlled premises, dengan izin, di samping penentuan pampasan yang adil untuk semua premis atau bangunan sekiranya berlaku yang mana penghuni atau penyewa bangunan tersebut dikenakan tindakan pengusiran. Dalam hubungan ini seharusnya ditimbang kenaikan bayaran pampasan sebanyak tiga kali ganda sebagaimana yang saya cadangkan tadi.

Perkara yang ketiga yang hendak diambil perhatian ialah tentang satu syor yang saya ingin buat di sini ialah mengenai penubuhan badan-badan

pengadilan sewa atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, formation of Rent Tribunals, di setiap negeri bagi membantu menyelesaikan semua pertikaian ataupun disputes berhubung perkara pen sewaan bangunan-bangunan terkawal.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya Akta Kawalan Sewa ialah satu perkara kepentingan awam, kepentingan orang ramai kerana ianya melibatkan sebilangan besar masyarakat dan Kementerian yang berkenaan hendaklah bertindak mengemaskinikan Akta tersebut demi keadilan untuk semua yang terlibat.

Perkara yang kedua dan juga yang akhir yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Program 2 iaitu Perumahan—2 (b) Penyelarasan dan Perlaksanaan. Atas tajuk Penyelarasan dan Perlaksanaan, suka saya bercakap mengenai betapa pentingnya bahawa sasaran ataupun matlamat perumahan khususnya matlamat perumahan kos rendah yang telah disebut dan disentuh dalam Rancangan Malaysia Keempat dapat dicapai. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat ada disebut bahawa hampir satu juta unit rumah hendak dibina baik pun oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun oleh pihak swasta dan memandangkan bahawa masalah perumahan pada hari ini ialah satu masalah sosial yang serius, maka adalah perlu dan penting supaya setiap langkah yang mungkin diambil hendaklah diambil untuk mencapai sasaran ataupun matlamat yang disebut dalam Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tentang pelaksanaan pembinaan rumah-rumah kos rendah, saya ingin menyatakan di sini bahawa pelaksanaan pembinaan rumah-rumah kos rendah yang licin adalah mustahak bagi mencapai matlamat perumahan awam dan lagi supaya keperluan atau permintaan golongan

miskin dan berpendapatan rendah terhadap rumah dapat diatasi seberapa cepat yang mungkin. Ini disebabkan permintaan golongan miskin dan berpendapatan rendah terhadap rumah kian bertambah pada setiap tahun.

Untuk mencapai matlamat ini pada pandangan saya adalah wajar bagi negara kita untuk menimbang dengan seriusnya konsep pengswastaan. Di sini saya suka mencadangkan bahawa salah satu langkah di mana pihak Kerajaan dapat dibantu untuk menyiapkan lebih banyak rumah-rumah mengikut jadual ialah untuk memberikan peluang kepada pihak swasta untuk memainkan satu peranan dalam membina rumah-rumah khususnya rumah-rumah kos rendah. Perlaksanaan pembinaan rumah-rumah kos rendah pada masa ini boleh dikatakan lembab dan sekiranya pengswastaan pembinaan ini oleh sektor swasta atau para pemaju yang berminat dalam pembinaan rumah ini maka masalah kekurangan rumah boleh diatasi dengan satu sumbangan yang diberi oleh pihak swasta untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembinaan rumah dan dalam aktiviti menyejagkan pembinaan rumah tersebut.

Di samping itu, saya ingin menyeru Kerajaan sekiranya pihak swasta hendak memainkan satu peranan dalam perkara ini, ialah bagi Kerajaan memastikan permohonan pihak pemaju untuk memecah-kecil, menukar syarat ataupun amalgamasi tanah untuk dijadikan tapak perumahan dapat disegerakan oleh pihak-pihak yang terlibat seperti Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun pihak Pejabat-pejabat Tanah ataupun Jabatan-jabatan yang lain dalam tempoh 3 bulan seperti yang telah diumumkan satu masa yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila beliau mempengerusikan satu mesyuarat Majlis Tanah Negara. Sekiranya

kelulusan mengenai tanah itu boleh diperolehi dalam tempoh 3 bulan maka pihak para pemaju boleh melaksanakan pembinaan rumah-rumah dengan perbelanjaan yang lebih menasabah kerana jika lewat dibina maka ini akan dijadikan satu alasan untuk menaikkan kos rumah itu.

Oleh hal yang demikian, saya harap bahawa konsep pengswastaan ini dan bagaimana para pemaju, bagaimana pihak swasta dapat memainkan peranan, dapat memberikan sumbangan mereka terhadap pencapaian matlamat perumahan negara, dapat diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan.

Inilah pandangan saya terhadap dua perkara yang saya ingin menyentuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada berapa orang hendak bercakap? Tiga orang lagi. Sila.

6.40 ptg.

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 135, P. 16, Butiran 14—Institusi Penyelidikan Perumahan Negara.

Tuan Pengerusi, di hari ini senario perumahan negara kita ini menunjukkan satu gambaran yang kelam-kabut, yang kucar-kacir disebabkan oleh kepentingan-kepentingan yang berlawanan di segi kepentingan pemaju-pemaju sendiri dan juga kepentingan-kepentingan bagi mereka-mereka yang memerlukan rumah. Apa yang saya maksudkan ialah di satu pihak terdapat satu golongan manusia yang hendak menjual, membina rumah semata-mata berasaskan kepada keuntungan yang dapat dibuat oleh mereka dan di satu pihak yang lain terdapat satu

kumpulan yang menghendaki rumah-rumah yang bermutu tinggi yang berpatutan harganya. Saya percaya dalam hal ini Instituti Penyelidikan Perumahan Negara dapat memainkan peranan dalam mana ianya dapat membuat kajian terperinci dari segi keperluan perumahan mungkin untuk 5 atau 10 tahun yang akan datang dan dari segi di mana Kerajaan sendiri dapat memainkan peranan memastikan bahawa hanya rumah-rumah yang bermutu tinggi yang harganya berpatutan dapat dibeli oleh rakyat jelata.

Adalah menjadi satu rahsia umum bahawa kebanyakan pemaju-pemaju tidak mahu menjual rumah melainkan mereka dapat memastikan sekurangnya mereka dapat keuntungan 50%. Ini merupakan satu "guideline" kepada kebanyakan pemaju-pemaju perumahan. Dan pemaju perumahan yang besar-besar yang dapat kita lihat di seluruh negara, mereka yang mempunyai modal besar sanggup membina rumah-rumah dan menyimpan rumah-rumah tersebut tanpa dijual sehingga harga melambung naik. Ini satu gambaran yang biasa yang dapat kita lihat di mana-mana sahaja di negara kita ini. Dan juga saya percaya instituti ini dapat mengkaji bagaimana kita dapat membina rumah-rumah dengan cara yang lebih cepat lagi.

Misalnya, penggunaan yang meluas iaitu penggunaan housing system, dengan izin, misalnya rumah-rumah pasang siap (prefabricated houses). Saya percaya kalau rumah-rumah ini dapat dibina dengan cara demikian sudah tentu rumah-rumah dapat dijual dengan harga yang murah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada tajuk "Pinjaman" di mana kita dapat saksikan bahawa selain daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga MBSB sebagaimana terkandung di sini, bank-bank swasta juga digalakkan

dan malahan dikehendaki melalui peraturan-peraturan oleh pihak Bank Negara supaya memperuntukkan beberapa peratus daripada pinjaman mereka untuk pinjaman perumahan kos rendah. Tetapi hari ini walaupun sesebuah rumah itu dikatakan rumah kos rendah, harganya tidak boleh dianggap rendah. Misalnya di Negeri Johor sebagaimana saya tahu sebuah rumah kos rendah harganya \$22,000 dan sehabis-habis murah sekali \$17,000. Kepada seseorang yang berkelayakan untuk membeli rumah-rumah kos rendah ini, bagi mereka untuk mencari deposit ataupun wang pendahuluan 10% merupakan satu masalah yang besar kepada mereka. Jadi apa yang saya ingin mencadangkan di sini ialah supaya mungkin Kerajaan dapat mengkaji di mana pinjaman 100% dapat diberi kepada mereka yang benar-benar layak supaya mereka dapat peluang untuk membeli rumah-rumah yang dikatakan rumah-rumah kos rendah itu tadi.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 127, Maksud Bekalan B. 16, Butiran 1100, Program 1 (a) Pentadbiran dan Kewangan.

Masalah yang ingin saya timbulkan ialah mengenai lesen pemaju-pemaju di mana seseorang atau sesuatu syarikat perumahan itu dikehendaki mendapatkan lesen pemaju-pemaju sebelum ianya dapat membina rumah-rumah untuk dijual kepada orang ramai.

Tetapi terdapat juga di kalangan pemaju-pemaju perumahan bumiputera yang kecil, mungkin yang ingin memajukan 3-4 atau 5 ekar tanah, mereka juga dimestikan supaya mengadakan modal berbayar atau, dengan izin, "paid-up capital" tidak kurang daripada \$250,000. Sungguhpun beberapa tahun dahulu saya difahamkan bahawa kelonggaran boleh diberi kepada pemaju-pemaju

bumiputera, tetapi apa yang saya diberi tahu perkara ini tidak lagi berlaku. Mungkin pihak Kementerian dapat memberikan kelonggaran ini, memberikan pertimbangan kepada pemaju-pemaju perumahan kecil supaya agaknya modal berbayar dimestikan mungkin \$100,000 ataupun lebih kurang lagi kerana biasanya apabila seseorang pemaju itu memajukan projek-projek yang kecil mereka tidak memerlukan belanja yang begitu besar dan jikalau pun diperlukan perbelanjaan mereka boleh meminjam daripada institusi-institusi kewangan.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Parit Buntar.

*6.49 ptg.*

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar):** Tuan Pengerusi, saya turut bangun untuk memberikan sokongan kepada peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya hanya ingin membangkitkan beberapa perkara bagi Kementerian ini.

Saya ingin menimbulkan perkara 1100—Gaji dan Upahan iaitu bagi Program (2) dan (3).

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat daripada suasana perkhidmatan Majlis-majlis Perbandaran dan juga Kerajaan-kerajaan Tempatan kita dapati perkhidmatan pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran adalah merupakan perkhidmatan yang tertutup dan keadaan perkhidmatan yang tertutup ini menjadi lebih rumit lagi apabila hanya beberapa jawatan sahaja yang wujud di dalam sesebuah Majlis Daerah.

Akibat daripada keadaan-keadaan ini, sebagai sebuah perkhidmatan, sudah tentu kita tidak dapat mengelakkan masalah-masalah untuk pihak Kerajaan Tempatan menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran. Dengan tertutup begitu sempit sekali soal peluang kenaikan pangkat dan soal pertukaran dan masalah-masalah lain yang harus diberi perhatian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran sangatlah tidak memuaskan, kerana sebagai contoh, seorang Setiausaha Majlis Daerah setelah dilantik, umpamanya di dalam Tanggagaji A-22, sudah tentulah ianya tidak akan dapat naik pangkat ataupun tidak dapat ditukarkan ke mana-mana Majlis Daerah yang lain. Keadaan-keadaan seperti ini menimbulkan banyak masalah-masalah, seperti kalau kita lihat, umpamanya apabila timbul masalah pertukaran disebabkan oleh keadaan jemuanya seseorang pegawai dan kakitangan di dalam sebuah Majlis Daerah, tetapi oleh kerana keadaan tertutupnya perkhidmatan ini maka pihak Majlis Daerah ataupun pihak Majlis Perbandaran tidak dapat mengambil apa-apa tindakan.

Saya inginlah mengesyorkan supaya pihak Kementerian, kalau perlu, meminda Akta Kerajaan Tempatan. Saya harap bolehlah dibuat pindaan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, bahkan kalau perlu Dewan Bandaraya sekalipun dapat dijadikan sebagai satu perkhidmatan yang mana boleh ditukarkan dari satu Majlis Daerah ke satu Majlis Daerah yang lain ataupun peluang-peluang kenaikan pangkat mereka dapat diberikan kepada mereka yang berkhidmat di dalam Majlis-majlis Daerah yang begitu sempit dan tertekan peluang kenaikan pangkat mereka.

Saya berpendapat kalau Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman yang mana jika dibandingkan jumlah pegawai dan perkhidmatannya tidaklah begitu jauh bezanya dengan pegawai dan kakitangan di Majlis Daerah, kalau perlu, satu Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Tempatan ditubuh, perlu diberi pertimbangan dan perhatian oleh Kementerian untuk mengkaji perkara ini agar perkhidmatan ini menjadi lebih baik lagi kerana sesuai dengan dasar Kerajaan sekarang, terutama dari segi kempen kebersihan dan sebagainya. Maka peluang-peluang seperti ini adalah perlu diberikan kepada pegawai-pegawai dan perkhidmatan ini agar mereka dapat menjalankan pekerjaan mereka dengan lebih penuh berminat lagi. Dan sekiranya terdapat masalah-masalah untuk pertukaran, maklum sahajalah mereka juga sebagai manusia, kadang-kadang terpaksa berkahwin dengan orang di tempat lain, maka mereka juga perlu bersama-sama dengan keluarga mereka. Jadi dengan adanya perkhidmatan yang lebih luas sebagai satu perkhidmatan Kerajaan Tempatan, kita yakin masalah-masalah ini akan dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, tadi sahabat-sahabat saya juga telah menimbulkan masalah perumahan. Saya ingin menimbulkan masalah perumahan swasta. Saya rasa tidak begitu sedap kalau saya tidak menyebutkan perkara ini memandangkan pembeli-pembeli rumah selalu sahaja menghadapi masalah-masalah penyelewengan yang mana diselewengkan oleh pihak pemaju-pemaju perumahan. Seperti yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi daripada Labis bahawa pemaju-pemaju perumahan ini memikirkan keuntungan 50%, tetapi sebenarnya kerugian yang diterima oleh pembeli-pembeli ini bukan sahaja setakat 50%, bahkan lebih daripada itu lagi kerana mereka juga di samping terpaksa

menanggung untung kepada pihak pemaju-pemaju, jika mereka juga menjadi peminjam-peminjam kepada bank-bank ataupun kepada pihak Kerajaan, mereka juga perlu membayar bunga (interest) kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Jadi terkadang-kadang kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, sebuah rumah itu berbagai-bagai alasan diberikan oleh pihak pemaju, kononnya barang-barang tidak ada di dalam pasaran dan sebagainya dan perkara penipuan seperti ini kadang-kadang berlaku seolah-olah rakyat ataupun pembeli-pembeli ini bodoh sekali dan inilah yang menyakitkan hati sekarang. Sebagai contoh, kalaulah di dalam sebuah rumah itu ada 2-3 bilik air, jenis-jenis kelengkapan yang diberikan ataupun yang diadakan oleh pihak-pihak pemaju perumahan ini berlainan dalam sebuah rumah. Ini tidak lain dan tidak bukan ialah bertujuan untuk mengaburi mata pembeli-pembeli dan pembeli-pembeli tidak dapat membuat komplet ataupun rungutan kerana ada di antaranya alat-alat kelengkapan itu tidak seperti mengikut spesifikasi, bila ditanya, alasannya ialah barang-barang ini tidak ada di dalam pasaran.

Jadi saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan oleh kerana sungutan yang begitu ramai daripada Ahli-ahli Parlimen pada kali ini, kita berharap supaya memberi perhatian yang sangat serius kepada perkara ini supaya janganlah rakyat kita dianggap begitu bodoh sekali di dalam soal pembelian perumahan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah masalah bomba. Saya ingin menyarankan bahawa kalau kita lihat daripada peruntukan-peruntukan ini memanglah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, saya berharap supaya

pihak Kementerian membuat penyelidikan yang benar-benar kepada peralatan, seperti kereta-kereta bomba, yang mana kalau sekarang ini kita lihat di Bandaraya umpamanya, di pekan-pekan besar peralatan-peralatan yang begitu moden, yang begitu baik sekali disediakan oleh pihak bomba. Dan saya harap juga supaya Kementerian tidak melupakan perkhidmatan bomba di kawasan pekan-pekan kecil kerana terdapat kereta-kereta bomba yang kalau kata setengah tempat itu "kereta bomba tahun tujuh" maknanya begitu lama kereta-kereta bomba itu sehingga kalau berlaku kebakaran kadang-kadang tidak dapat ataupun memalukan lagi apabila kereta itu distart, berjalan, tetapi mati di tengah jalan. Mereka memanglah menjalankan tugas, tetapi oleh sebab alat-alat kelengkapan yang tidak sesuai dan begitu lapuk, menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan baik.

Saya harap supaya pihak Kementerian boleh juga memberi perhatian kepada kereta-kereta bomba dan peralatan-peralatan di dalam kawasan-kawasan pekan kecil di luar-luar bandar ataupun bandar-bandar kecil. Di samping itu, saya berharap supaya pihak Kementerian dapat menambahkan lagi . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang Dipertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 14hb November, 1983.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*